Sektor insurans dan takaful mencatat gabungan premium dan sumbangan berjumlah RM26.6 bilion pada tahun 2006. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6.8%, yang sebahagian besarnya adalah bagi tempoh separuh tahun kedua apabila jangkaan kenaikan kadar faedah berkurang, dan sektor isi rumah serta perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga, premium perniagaan dan sumbangan baru mencatat pertumbuhan sebanyak 13.5% kepada RM8.4 bilion pada tahun 2006 (2005: RM7.4 bilion). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perniagaan berkaitan pelaburan yang berkembang pada kadar tahunan yang mengkagumkan iaitu 89% kepada RM3.4 bilion untuk mengimbangi kemerosotan dalam perniagaan hayat biasa. Pada akhir tahun, produk berkaitan pelaburan mencakupi lebih daripada 40% daripada perniagaan baru.

Dari segi saluran pengagihan, premium baru yang dijana menerusi rangkaian bankasurans mencatat bahagian yang lebih tinggi sebanyak 44.2% pada tahun 2006 (2005: 41.8%), manakala bahagian pasaran perniagaan agensi menurun kepada 44.8% (2005: 46%).

Sektor insurans dan takaful am berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2006. Jumlah premium dan sumbangan langsung kasar meningkat 4.1% kepada RM10.3 bilion (2005: +9.8% kepada RM9.9 bilion). Kemerosotan ini didorong oleh jumlah perniagaan yang lebih rendah dalam sektor motor dan juga penurunan kadar premium untuk risiko harta tanah komersial, penerbangan dan kargo. Walaupun begitu, kemerosotan ini diimbangi oleh pertumbuhan kukuh dalam kelas perniagaan badan kapal, berkaitan minyak luar pesisir, perubatan dan kesihatan, serta kemalangan peribadi. Pertumbuhan perniagaan badan kapal disebabkan terutamanya oleh perniagaan baru ekoran pembinaan kapal ronda tentera laut, manakala peningkatan premium perniagaan berkaitan minyak luar pesisir mencerminkan peningkatan aktiviti industri minyak dan gas berikutan kenaikan harga minyak.

Kedudukan kesolvenan industri insurans kekal kukuh dengan lebihan kesolvenan agregat sebanyak RM16 bilion (berdasarkan asas tidak diaudit) pada akhir tahun 2006. Tahap keberuntungan dikekalkan sejajar dengan persekitaran pelaburan yang menggalakkan yang menghasilkan pendapatan bersih daripada aktiviti pelaburan yang lebih tinggi dan peruntukan pengurangan nilai pelaburan yang diambil kira semula. Digabungkan

dengan premium baru yang lebih tinggi, lebihan pendapatan atas perbelanjaan bagi perniagaan insurans hayat dan keluarga berkembang 17.8% kepada RM12.4 bilion pada tahun 2006 (2005: -7.6% kepada RM10.6 bilion). Lebihan penanggung insurans hayat meningkat kepada RM4.8 bilion (2005: RM3.6 bilion) disokong terutamanya oleh pulangan pelaburan yang lebih baik serta pengalaman mortaliti dan morbiditi yang menggalakkan. Bagi perniagaan insurans dan takaful am, tuntutan yang lebih tinggi terutamanya dalam perniagaan motor, menyebabkan kemerosotan hasil pengunderaitan sebanyak 43% kepada RM0.6 bilion (2005: RM1.1 bilion). Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan yang lebih tinggi membolehkan sektor insurans dan takaful am mengekalkan keuntungan operasi keseluruhan sebanyak RM1.5 bilion.

Jumlah aset industri insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.6% kepada RM115.4 bilion pada akhir tahun 2006, disokong terutamanya oleh pengembangan dalam aset dana hayat (+14.1%). Daripada jumlah ini, sekuriti korporat dan hutang berjumlah RM54.3 bilion. Pelaburan dalam aset asing meningkat hampir sebanyak 300% kepada RM1.2 bilion (akhir tahun 2005: RM0.3 bilion) mencerminkan strategi penanggung insurans untuk memadankan liabiliti produk dalam mata wang asing dan produk modal terjamin, dengan pendedahan dalam pasaran asing. Walau bagaimanapun, bahagian aset asing berbanding jumlah aset dana insurans kekal rendah pada 1% daripada jumlah aset.

Sektor takaful mencatat prestasi pertumbuhan yang teguh

Industri takaful terus mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2006. Jumlah aset meningkat 17.9% untuk mencakupi 6.1% daripada jumlah aset industri insurans, manakala gabungan sumbangan takaful meningkat kepada RM1.7 bilion untuk mencakupi 6.5% daripada jumlah premium industri. Dalam sektor takaful keluarga, sumbangan perniagaan baru meningkat dengan ketara sebanyak 74.6% kepada RM1.3 bilion (2005: RM725.5 juta). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam takaful gadai janji (+73.7% kepada RM0.7 bilion) serta perniagaan berkaitan pelaburan (+200.1% kepada RM0.2 bilion) untuk mencakupi 68.2% daripada perniagaan baru. Perniagaan takaful am mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh dengan sumbangan langsung kasar berkembang 29.4% kepada RM713.7 juta (2005: RM551.4 juta). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh jumlah perniagaan dalam sektor motor dan kebakaran yang lebih tinggi, yang mencatat pertumbuhan masing-masing sebanyak 42.9% dan 34.7%.

Institusi Kewangan Pembangunan

Prestasi IKP yang dikawal selia Bank Negara Malaysia terus kukuh pada tahun 2006, sebagaimana ditunjukkan oleh prestasi perniagaan secara keseluruhan yang menggalakkan dan kedudukan kewangan yang bertambah baik. Pada tahun 2006, pinjaman keseluruhan yang dikeluarkan oleh IKP kepada sektor sasaran mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 17.9% dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM51.1 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM43.4 bilion). Sebagai respons kepada bertambahnya jumlah projek pembangunan dalam sektor infrasruktur, pinjaman kepada sektor ini meningkat lagi sebanyak 11.7% kepada RM14.9 bilion, terutamanya bagi membiayai aktiviti dalam sektor pembinaan, pengangkutan dan komunikasi. Pembiayaan kepada PKS, termasuk PKS dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian, juga terus berkembang sebanyak 9.9% kepada RM13.2 bilion dalam menyokong usaha Kerajaan untuk menggalakkan dan membangunkan sektor PKS. Pada akhir tahun 2006, pembiayaan oleh IKP kepada PKS mencakupi 25.9% daripada gabungan jumlah pinjaman terkumpul IKP.

Bagi menyokong usaha menggiatkan semula sektor pertanian dan asas tani, pinjaman kepada sektor tersebut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.5% pada tahun 2006 (2005: 2.9%) yang disalurkan terutamanya kepada aktiviti penanaman, penternakan dan aktiviti pemprosesan asas tani. Pembiayaan untuk menyokong aktiviti eksport juga kekal teguh, dengan 44% daripada pinjaman disalurkan

kepada usaha niaga dalam pasaran bukan tradisional. Sementara itu, pembiayaan untuk kredit penggunaan oleh beberapa IKP meningkat sebanyak 23.7% (2005: 42.9%), mencerminkan permintaan pengguna yang teguh terutamanya terhadap pinjaman peribadi daripada golongan berpendapatan lebih rendah.

NPL sektor IKP kekal terurus, sebagaimana ditunjukkan oleh nisbah NPL kasar dan bersih yang menurun masing-masing kepada 9.4% dan 3.9% pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: masing-masing 10.4% dan 4.5%). Kualiti aset yang semakin baik ini disebabkan oleh usaha secara progresif yang dilakukan IKP bagi mempertingkatkan proses kredit dan sistem maklumat mereka, yang membolehkan IKP mengurus dan mengawal NPL dengan lebih baik. Tambahan pula, penglibatan hampir kesemua IKP dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*) juga telah menyumbang kepada penilaian kredit yang lebih baik, yang mengurangkan kes pinjaman baru menjadi pinjaman tak berbayar.

Jumlah deposit yang digemblengkan oleh IKP pengambil deposit untuk menggalakkan tabungan dalam kalangan penabung kecil dan ahli koperasi terus meningkat kepada RM40.3 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM36.2 bilion). Pengembangan operasi perniagaan yang mampan terus menjana keuntungan yang kukuh kepada IKP yang berjumlah RM1.3 bilion pada tahun 2006 (2005: RM1.5 bilion). Daripada jumlah ini, lebih daripada 80% disumbangkan oleh keuntungan operasi. Hasil yang menggalakkan ini melengkapkan suntikan modal oleh Kerajaan untuk terus memperkukuhkan kedudukan kewangan IKP, dengan jumlah dana pemegang saham meningkat kepada RM10.7 bilion pada akhir tahun 2006 daripada RM8.4 bilion pada akhir tahun 2005.

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

TINJAUAN

Sektor kewangan memainkan peranan utama sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi Malaysia. Melalui fungsi ini, pertumbuhan dan kestabilan sektor kewangan saling berkait rapat dengan perkembangan dalam sektor benar dan juga keadaan makroekonomi. Selain itu, dengan meningkatnya tahap keterbukaan ekonomi Malaysia dan sistem kewangan yang menyebabkan integrasi dengan sektor luaran yang lebih pesat, tugas untuk memelihara kestabilan sektor kewangan menjadi lebih rumit dan mencabar. Ini adalah kerana perkembangan dalam sektor luaran termasuk pasaran kewangan global boleh mempengaruhi dengan ketara keadaan dan perkembangan ekonomi dan sistem kewangan negara serta gelagat dan sikap terhadap risiko peserta pasaran kewangan. Pengaruh ini bertambah dengan kemasukan aliran modal yang lebih besar ke pasaran sedang pesat membangun, khususnya di rantau ini, berikutan liberalisasi akaun modal yang lebih meluas. Perkembangan ini dan juga perkembangan lain menekankan perlunya rangka kerja pengawasan dan pemantauan yang lebih menyeluruh dan teguh, yang mengambil kira perkembangan yang melangkaui ekonomi dalam negeri, bagi memastikan risiko dan kelemahan yang muncul dikenal pasti dengan sewajarnya dan ditangani tepat pada masanya dengan berkesan.

Satu bidang penting yang diberi tumpuan pada tahun 2006 ialah mengenal pasti ancaman dan kelemahan yang muncul dalam pasaran kewangan yang berkait dengan pergerakan aliran modal yang ketara, terutama ke pasaran sedang pesat membangun di Asia dan Amerika Latin, dalam keadaan mudah tunai lebihan yang berpanjangan. Di dalam negara, isu-isu yang dihadapi oleh sektor isi rumah dan sektor korporat yang berpunca daripada tekanan inflasi ekoran kenaikan harga petrol dan utiliti, dan jangkaan berhubung dengan kenaikan kadar faedah telah menjadi tumpuan utama usaha pengawasan dan pemantauan peringkat makro pada separuh pertama tahun 2006.

Daya tahan sistem kewangan Malaysia terus berada pada tahap yang amat teguh walaupun menghadapi beberapa perkembangan yang mencabar termasuk kesan harga minyak dan komoditi yang lebih tinggi terhadap ekonomi dan turun naik pasaran kewangan yang meningkat, khususnya pergerakan harga ekuiti pada bulan Mei 2006 dan akhir bulan Februari 2007. Keteguhan daya tahan ini hasil daripada peningkatan keupayaan pengurusan risiko, pembangunan infrastruktur kewangan di samping tadbir urus dan pengawasan yang lebih mantap di peringkat institusi. Tambahan lagi, kedudukan kewangan yang lebih kukuh dan penunjuk keteguhan kewangan utama yang bertambah baik turut menyumbang kepada ketahanan sistem yang berterusan. Khususnya, permodalan terus berada pada tahap tinggi melebihi 12.5% sepanjang tahun, tahap keberuntungan adalah mampan dengan keuntungan awalan sebelum cukai tidak diaudit sebanyak RM13 bilion dan pulangan ekuiti sebanyak 16.1%, serta kualiti aset yang kian bertambah baik mencatat nisbah NPL bersih sebanyak 4.8% pada akhir tahun 2006. Prestasi sistem perbankan yang kukuh disokong penambahbaikan infrastruktur kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang mantap.

Sistem dan institusi kewangan terus teguh dan stabil, memperlihatkan daya tahan yang berterusan dalam menghadapi persekitaran yang mencabar, didorong terutamanya oleh kedudukan kewangan yang lebih kukuh, pengurusan risiko yang lebih sofistikated dan tadbir urus yang mantap sejajar dengan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang kukuh.

Prospek bagi sistem kewangan yang stabil adalah terus menggalakkan memandangkan

daya tahan yang bertambah kukuh dan pretasi kewangan yang teguh serta wujudnya struktur keinstitusian yang lebih mantap terus memperkukuh kapasiti dan keupayaan sektor kewangan, di peringkat sistem mahupun di peringkat institusi, untuk menghadapi gangguan masa depan. Infrastuktur kewangan yang lebih pelbagai juga akan membolehkan risiko dalam sistem kewangan diurus dengan cara yang lebih berkesan dan cekap.

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN GLOBAL

Pertumbuhan yang berterusan di negara-negara perindustrian dan momentum pertumbuhan yang mampan di negara Asia ketika ekonomi AS mengalami penyederhanaan

Pertumbuhan global terus mantap pada tahun 2006, mencapai pertumbuhan melebihi 4% bagi empat tahun berturut-turut, walaupun pertumbuhan lebih sederhana dicatatkan pada separuh kedua tahun itu ekoran pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih perlahan. Meskipun wujud persekitaran harga minyak yang tinggi, kadar faedah yang semakin naik, dan turun naik dalam pasaran kewangan yang meningkat, pertumbuhan global adalah meluas ekoran pemulihan yang berterusan di Jepun dan kawasan euro yang diperkukuh oleh pertumbuhan yang mampan di rantau Asia. Sementara itu, inflasi global mulai stabil berikutan penurunan harga minyak. Harga minyak mentah jatuh di bawah paras USD55 setong pada bulan Januari 2007 untuk kali pertama semenjak pertengahan tahun 2005, selepas memuncak melebihi paras USD77 setong pada bulan Julai 2006.

Dasar monetari yang ketat di ekonomi utama dan sebahagian negara Asia

Keperluan untuk mengurus jangkaan inflasi dan kemungkinan resapan tekanan atas inflasi teras mendorong kebanyakan bank-bank pusat mengambil pendirian dasar monetari yang ketat pada tahun 2006. Pendirian itu diteruskan sehingga tanda-tanda tekanan inflasi jelas reda. Federal Reserve Board menaikkan kadar faedah kepada 5.25% menjelang bulan Jun 2006 dan

Rajah 2.1
Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Rajah 2.2a
Inflasi di Negara Perindustrian Utama



Rajah 2.2b
Inflasi di Negara Serantau



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

Rajah 2.3a
Negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



Rajah 2.3b
Negara Serantau: Kadar Faedah Rasmi



Sumber: Pihak Berkuasa Nasional

mengekalkan pendirian itu sehingga akhir tahun, manakala Bank of Japan menamatkan dasar kadar faedah sifarnya pada bulan Julai 2006 berikutan kadar inflasi kembali menjadi positif. European Central Bank dan Bank of England turut menaikkan kadar faedah untuk membendung tekanan inflasi yang mula muncul. Di rantau Asia, RR China menaikkan kadar faedah bagi mengurangkan kadar pertumbuhan kredit dan pelaburan, manakala kadar faedah yang lebih tinggi di Korea bertujuan menyederhanakan kenaikan harga rumah yang naik mendadak. Ekonomi serantau lain termasuk China Taipei dan India juga mengetatkan dasar monetari masing-masing pada tahun 2006. Langkah yang diambil oleh China Taipei bertujuan menjajarkan kadar faedah benar mengikut keadaan ekonomi semasa, manakala langkah yang diambil oleh India bertujuan membendung tekanan inflasi. Indonesia dan Thailand pula mengambil langkah mengurangkan kadar faedah dalam keadaan inflasi yang semakin sederhana.

Turun naik dan premium risiko yang rendah menyelubungi pasaran kewangan global

Persekitaran mudah tunai lebihan yang berpanjangan mendorong pergerakan modal yang lebih besar dalam mencari pulangan yang lebih tinggi. Ini mencerminkan keinginan mengambil risiko yang meningkat, dirangsang oleh prospek keadaan ekonomi global yang bertambah baik. Peningkatan pendapatan korporat dan persekitaran makroekonomi yang bertambah baik secara keseluruhan turut mendorong kemasukan besar aliran modal ke dalam pasaran sedang pesat membangun, terutamanya ke dalam pasaran ekuiti. Asas-asas ekonomi yang kukuh bagi kebanyakan negara sedang pesat membangun, yang disokong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh, kedudukan fiskal yang bertambah baik, dan sektor kewangan yang lebih maju merupakan faktor utama yang menyokong perkembangan ini.

Perkembangan tersebut, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan serta pengumuman keuntungan yang lebih baik daripada jangkaan oleh beberapa syarikat gergasi global mendorong pasaran ekuiti mencatatkan prestasi yang kukuh dalam tempoh sehingga bulan Mei 2006 (Rajah 2.4a dan b). Pasaran ekuiti dalam ekonomi sedang pesat membangun, yang merupakan penerima utama aliran modal, mencatatkan peningkatan yang kukuh seperti ditunjukkan Indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun MSCI (*MSCI Emerging Market Index*). Tempoh ini turut menyaksikan minat yang menggalakkan terhadap bon korporat hasil tinggi dalam persekitaran kadar kemungkiran membayar korporat yang paling rendah pernah dicatat. Pembelian bon korporat yang menggalakkan dalam pasaran sedang pesat membangun selanjutnya menyumbang kepada pengecilan dalam spread bon ke paras terendah dalam sejarah.

Rajah 2.4a
Prestasi Indeks Ekuiti Utama



Sumber: Bloomberg

Menjelang bulan Mei 2006, harga komoditi termasuk minyak, tembaga dan emas mencatatkan paras tertinggi. Ini mencetuskan penilaian semula risiko berikutan ketidakpastian yang meningkat di samping peningkatan jangkaan terhadap tekanan inflasi dan pengetatan dasar monetari di beberapa negara, yang berakhir dengan penjualan aset kewangan dengan ketara, khususnya dalam pasaran ekuiti. Ini memberi kesan yang ketara atas pasaran ekuiti dalam ekonomi sedang pesat membangun di Asia dan Amerika Latin. Dalam pasaran bon, sikap keberatan mengambil risiko semakin meningkat dalam kalangan pelabur berikutan penilaian semula risiko yang mendorong pelabur untuk memilih pelaburan yang mendapat penarafan tinggi meskipun hasilnya rendah. Di samping itu, hasil bon jangka panjang Kerajaan Amerika Syarikat naik melebihi 5% menjelang akhir bulan Jun. Perkembangan yang sama juga dapat dilihat dalam ekonomi serantau terutama di Indonesia dan Filipina (Rajah 2.5).

Rajah 2.4b
Prestasi Indeks Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.5
Hasil Bon Kerajaan 10 Tahun untuk Negara Terpilih



Sumber: Bloomberg

Meskipun terdapat perubahan harga yang ketara pada bulan Mei 2006, pasaran kewangan terus pada keseluruhannya dicirikan oleh tahap turun naik yang rendah (Rajah 2.6a dan b). Secara umumnya, keadaan ini sebahagiannya mencerminkan asas-asas ekonomi yang bertambah baik, sektor kewangan yang lebih canggih dan pasaran yang lebih cekap sejak beberapa tahun kebelakangan ini, di samping jangkaan pasaran kewangan yang optimis mengenai risiko masa depan dan prospek bagi pertumbuhan.

Kebanyakan pasaran kewangan pulih dengan kukuh dan pantas setelah berlakunya pembetulan

Rajah 2.6a
Turun Naik Pasaran Ekuiti Utama



Nota: Turun naik diukur berdasarkan sisihan piawai bergerak bagi pulangan harian untuk tempoh selama 90 hari

Sumber: Bloomberg

Rajah 2.6b
Turun Naik Pasaran Ekuiti Serantau



Nota: Turun naik diukur berdasarkan sisihan piawai bergerak bagi pulangan harian untuk tempoh selama 90 hari

Sumber: Bloomberg

pada bulan Mei disebabkan jangkaan yang bertambah baik terhadap prospek dan risiko. Khususnya, dengan asas-asas ekonomi secara keseluruhannya kekal utuh, pemulihan telah berlaku dalam keadaan harga minyak mentah yang semakin sederhana, harga komoditi yang lebih stabil dan ramalan pertumbuhan global yang lebih optimistik termasuk jangkaan kadar penyederhanaan ekonomi AS yang lebih perlahan dan paras kadar faedah jangka panjang yang berterusan rendah. Kesemua perkembangan ini menyumbang kepada kemasukan semula aliran modal ke pasaran sedang pesat membangun yang mendorong harga ekuiti ke paras lebih tinggi

Rajah 2.7
Indeks Komoditi Goldman Sachs



Sumber: Reuters

bagi baki tempoh seterusnya pada tahun 2006. Begitu juga, aliran masuk modal, terutamanya ke dalam bon jangka panjang dalam pasaran bon mengakibatkan keluk hasil beralih arah berikutan hasil bon jangka panjang yang menurun.

Keadaan turun naik tidak menyebabkan kesan buruk pada ekonomi serantau

Meskipun tiada tanda-tanda jelas kesan buruk terhadap ekonomi serantau, pasaran kewangan dalam rantau ini mengalami turun naik dalam beberapa tempoh yang singkat berpunca daripada tahap kesensitifan risiko dalam kalangan pelabur yang tinggi terhadap perkembangan politik serantau dan langkah domestik untuk mengurus aliran masuk modal. Kesan perkembangan tersebut atas rantau ini secara keseluruhannya adalah sedikit dan secara dasarnya dapat dibendung, meskipun terdapat beberapa pasaran

Rajah 2.8
Harga Minyak



Sumber: Bloomberg

yang mengalami turun naik yang lebih tinggi. Pada keseluruhannya, rantau ini secara relatif tidak terjejas akibat perkembangan ini kerana asas-asas ekonominya yang kukuh disokong oleh leveraj sektor awam dan korporat yang lebih rendah, rizab asing yang makin bertambah dan keyakinan pelabur yang semakin baik, serta diperkukuh oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tekanan inflasi yang secara relatif terbendung.

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN MALAYSIA

Ekonomi dalam negeri berkembang, didorong pertumbuhan aktiviti sektor swasta

Ekonomi Malaysia berkembang 5.9% pada tahun 2006. Pertumbuhan adalah menyeluruh dan diterajui sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian. Perbelanjaan penggunaan swasta terus kukuh, dengan peningkatan sebanyak 7% pada tahun 2006, disokong pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dalam keadaan pasaran pekerja yang baik, perolehan eksport yang menggalakkan dan harga komoditi yang meningkat. Pembentukan modal kasar tetap meningkat 7.9% pada tahun 2006, diterajui terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta sejajar dengan sentimen perniagaan yang memberangsangkan. Perbelanjaan pelaburan yang kukuh dicatat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas, yang kesemuanya mendapat manfaat daripada pertumbuhan mampan dalam permintaan dalam dan luar negeri.

Bagi penggunaan awam, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 17.7% pada separuh tahun kedua, dengan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan mempercepat pembayaran perbelanjaan pembangunan sepanjang tahun, terutama untuk projek pendidikan, pertanian, pembangunan luar bandar dan kemudahan awam.

Perkembangan Ringgit

Ringgit mempamerkan lebih banyak pergerakan dua hala pada tahun 2006, dipengaruhi lebihan dagangan asas, aliran pelaburan dan kewangan ke rantau ini yang berpunca daripada prospek

Rajah 2.9
Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



r Ramalan

pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, dan jangkaan pasaran terhadap pengukuhan nilai kadar pertukaran ringgit. Ringgit juga dipengaruhi pelaburan langsung dan portfolio ke luar negara, pembayaran balik dan prabayaran hutang luar negeri, dan penghantaran balik keuntungan dan dividen.

Perkembangan Inflasi

Tekanan inflasi dalam negeri meningkat pada tahun 2006 berikutan pertumbuhan global yang memberangsangkan dan harga komoditi yang semakin meningkat. Kadar inflasi purata, seperti yang diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna, meningkat daripada 3% pada tahun 2005 kepada 3.6% pada tahun 2006, sebahagian besarnya berikutan pelarasan harga barangan yang ditadbir dan faktor berkaitan penawaran.

Kenaikan kadar inflasi disumbang terutamanya oleh kos pengangkutan yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga runcit produk petroleum pada bulan Mac 2006. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi nyata terkawal, apabila kadar inflasi menurun pada separuh tahun kedua. Ini mencerminkan kesan pusingan kedua terhadap harga pengguna berpunca daripada peningkatan kos sumber yang terbatas, ekoran jangkaan inflasi yang tegar.

Perkembangan Dasar Monetari

Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy*

Rate, OPR) dinaikkan sebanyak dua kali pada awal tahun 2006 untuk menjajarkan keadaan monetari mengikut persekitaran semasa, dalam keadaan prospek yang kukuh berhubung dengan pertumbuhan ekonomi, dan inflasi yang meningkat. Dalam tempoh seterusnya, muncul ketidakpastian dalam persekitaran luar, ekoran kenaikan berterusan harga tenaga dan risiko geopolitik yang mungkin menyebabkan pertumbuhan global menjadi sederhana. Berikutan terdapat tanda-tanda kesan kenaikan harga pusingan kedua yang terbatas, dan kurangnya tekanan inflasi berpunca daripada permintaan, dasar monetari dikekalkan seketika bagi memelihara keseimbangan antara mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga. OPR dikekalkan pada kadar 3.5% sehingga akhir tahun.

Perkembangan Pasaran Kewangan

Prestasi pasaran kewangan mencerminkan momentum pertumbuhan dan sejajar dengan perkembangan pasaran kewangan global

Prestasi pasaran kewangan Malaysia sebahagian besarnya dipengaruhi perkembangan global dan domestik. Dalam persekitaran mudah tunai global yang berlebihan serta permintaan terhadap pelaburan yang berhasil tinggi, Malaysia dengan asas ekonominya yang kukuh dan sektor kewangannya yang maju merupakan salah satu destinasi tarikan pelabur. Ini menyebabkan kemasukan aliran modal yang ketara ke dalam negara, khususnya menjelang hujung tahun yang didorong oleh jangkaan nilai mata wang ringgit akan meningkat. Meskipun tahun 2006 mengalami beberapa tempoh turun naik yang ketara, kesannya terhadap sektor kewangan terus terbendung.

Secara keseluruhan, pasaran ekuiti Malaysia mengakhiri tahun 2006 dengan prestasi yang amat memberangsangkan meskipun bermula dengan prestasi sederhana (berbanding dengan pasaran serantau), di samping beberapa tempoh turun naik yang tertentu. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mengakhiri tahun 2006 dengan peningkatan tahunan sebanyak 21.8%, iaitu kadar tertinggi sejak tahun 2003. KLCI mencecah 1,096.24 mata, mengatasi tahap psikologi

Rajah 2.10
Prestasi KLCI



Sumber: Bursa Malaysia

Rajah 2.11
Rekod Pencapaian Prestasi KLCI



Sumber: Bursa Malaysia

1,000 mata. Jumlah urus niaga di Bursa Malaysia berjumlah RM250.6 bilion (2005: RM177.3 bilion) dengan permodalan pasaran meningkat 22.1% pada tahun 2006 kepada RM848.7 bilion atau 155.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2006.

Sebelum berlakunya pembetulan pasaran pada pertengahan tahun, jangkaan bahawa prestasi eksport akan lebih kukuh bagi sektor elektronik dan elektrik mempengaruhi aliran masuk modal ke kaunter teknologi di Papan Kedua dan MESDAQ. Berikutan berlakunya pembetulan harga pada bulan Mei, aliran portfolio ini meninggalkan negara dan mengakibatkan turun naik yang menyeluruh dalam pasaran ekuiti domestik. Walau bagaimanapun, tahap turun naik masih di bawah paras yang dicatat semasa krisis kewangan

Rajah 2.12
Turun Naik Indeks KLCI



Nota: Turun naik diukur berdasarkan sisihan piawai bergerak bagi pulangan harian untuk tempoh selama 90 hari

Sumber: Bloomberg

Asia (Rajah 2.12). Kesan perkembangan ini secara relatifnya adalah minimum dan sementara, memandangkan pasaran ekuiti pulih dengan kukuh, sebahagian besarnya disebabkan penunjuk-penunjuk ekonomi dan korporat yang positif yang menyebabkan kemasukan semula aliran modal ke dalam negara, khususnya ke kaunter lebih besar dan saham perdana di Papan Utama. Terdapat juga semakan positif atas ramalan perolehan korporat oleh penganalisis, dan peningkatan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (84 penggabungan dan pengambilalihan berjaya disempurnakan pada tahun 2006 dengan nilai kira-kira RM90 bilion berbanding dengan RM47.3 bilion pada tahun 2005). Pemulihan dalam pasaran ekuiti juga dirangsang sedikit sebanyak oleh masa depan yang optimis dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pasaran ekuiti meneruskan prestasinya yang cemerlang pada awal tahun 2007, disokong kemasukan berterusan aliran dana bukan pemastautin. KLCI mencecah setinggi 1,283.47 mata pada 23 Februari 2007 sebelum pembetulan yang berlaku pada akhir bulan Februari dan awal bulan Mac. Ini adalah akibat daripada kesan kontagion yang berpunca daripada perangkaan di AS yang lebih lemah dan perkembangan dalam pasaran kewangan RR China, di samping aktiviti pengambilan untung ekoran pertumbuhan pesat yang dicatat sebelumnya. Dengan asas-asas ekonomi yang kukuh terus tidak berubah, pasaran ekuiti semenjak daripada itu telah pulih. Pada 7 Mac 2007, KLCI berada pada paras 1,156.58 mata atau 5.5% lebih tinggi berbanding pada akhir tahun 2006.

Pada masa yang sama, prestasi pasaran bon domestik dipengaruhi perkembangan domestik dan global. Prospek inflasi dan hala tuju dasar monetari sebahagian besarnya mempengaruhi trend peningkatan hasil pada permulaan tahun 2006. Menjelang bulan Jun 2006, hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia naik sehingga 80 mata asas. Hasil memuncak pada bulan Jun berikutan prospek dan penilaian risiko yang berubah dengan ketara disebabkan prospek inflasi yang bertambah baik di samping jangkaan pengukuhan ringgit selanjutnya dan disokong mudah tunai yang terus berlebihan. Modal yang masuk semula dalam beberapa tempoh selepas pembetulan pasaran pada pertengahan tahun mendorong minat belian dalam bon jangka panjang berikutan keinginan pelabur mengambil risiko yang meningkat, mengakibatkan penurunan hasil jangka panjang. Jangkaan tentang kemungkinan pasaran bon Malaysia dimasukkan ke dalam Citigroup World Government Bond Index, sedikit sebanyak mendorong belian awalan oleh pengurus dana global pada bulan-bulan terakhir tahun 2006.

SEKTOR BUKAN KEWANGAN

Toleransi sektor perniagaan tetap utuh dalam keadaan ketidakpastian pada awalnya

Perkembangan dalam sektor perniagaan terus menggalakkan pada sebahagian besar tahun 2006. Dengan mencakupi sebanyak 39.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dan dengan bon korporat terkumpul berjumlah lebih daripada RM186.1 bilion, prestasi sektor perniagaan yang memberangsangkan memberi kesan limpahan yang menggalakkan terhadap sektor perbankan dan pasaran kewangan. Sektor perniagaan dapat menyesuaikan keadaan dengan pantas kepada paras baru kos mengurus berikutan kos pengangkutan, bahan mentah dan pembiayaan yang lebih tinggi.

Dalam sektor korporat, keuntungan agregat bagi beberapa syarikat tersenarai, yang mewakili lebih daripada 70% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia, pulih dengan kukuh pada suku tahunan ketiga. Pulangan aset purata bagi syarikat tersenarai ini meningkat kepada 1.4% pada suku ketiga tahun 2006 selepas berlegar di bawah paras 1.2% selama tiga suku tahunan.

Rajah 2.13
Keuntungan



Sumber: Bloomberg

Sementara itu, nisbah keseluruhan hutang kepada ekuiti hampir tidak berubah pada 56.3%. Prestasi keuntungan yang lebih kukuh dan kedudukan hutang yang stabil menyebabkan keupayaan membayar hutang (diukur sebagai nisbah perolehan sebelum faedah, susut nilai dan cukai kepada jumlah kos pembiayaan) syarikat-syarikat ini meningkat kepada 5.3 kali. Di samping itu, spread atas bon korporat mengecil dan nisbah NPL terus menurun pada tahun 2006 yang secara umum, menunjukkan peningkatan prestasi sektor perniagaan. Dengan keuntungan dan kedudukan kewangan yang lebih baik, persekitaran operasi yang kondusif, serta keyakinan dan sentimen

Rajah 2.14
Khidmat Bayaran Hutang dan Leveraj



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.15
Spread dan Nisbah Pinjaman Tak Berbayar



perniagaan yang terus kukuh, sektor korporat dijangka mampu terus berkembang pada tahun 2007. Pada keseluruhannya, risiko terhadap sektor perbankan kekal rendah hasil daripada perkembangan dalam sektor korporat.

Prestasi sektor korporat sebahagian besarnya dipengaruhi hubung kait antara industri dalam ekonomi. Ekoran permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh di samping harga komoditi yang tinggi, keuntungan bagi perusahaan perniagaan dalam sektor perkilangan, komoditi utama dan perkhidmatan, mencatatkan peningkatan yang jelas (Rajah 2.16). Dalam sektor perkilangan, perolehan industri pemprosesan dan perekaan logam serta industri bahan pembinaan yang bertambah baik menunjukkan korelasi yang tinggi dengan peningkatan dalam sektor pembinaan.

Peningkatan keuntungan bagi perusahaan perniagaan dalam sektor komoditi utama juga sebahagian besarnya didorong oleh harga komoditi yang tinggi, termasuk harga minyak mentah, minyak sawit dan getah. Namun demikian, walaupun industri minyak dan gas mendapat manfaat daripada harga petroleum yang tinggi, perniagaan pengangkutan dan penyimpanan terpaksa menanggung kenaikan kos yang menjejas keuntungan mereka. Bagi sektor pembinaan pula, prospek pertumbuhan segmen kejuruteraan awam bertambah baik berikutan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di peringkat industri, kesan pelarasan permintaan terutamanya penyederhanaan jualan

Rajah 2.16
Pergerakan dalam Indeks Saham Perladangan



Sumber: Bloomberg

harta kediaman dan kenderaan penumpang, terhadap industri tertentu masih terkawal.

Dalam sektor harta tanah, penyederhanaan dalam permintaan secara keseluruhannya terhadap harta kediaman menyebabkan jualan dan pendapatan yang lebih rendah, yang menimbulkan sedikit kebimbangan atas keupayaan membayar hutang sebahagian besar pemaju harta tanah (Rajah 2.19). Kos sara hidup dan harga harta tanah baru dilancar yang meningkat menyebabkan bakal pembeli harta kediaman mengambil sikap lebih berhati-hati. Dari segi penawaran, perkembangan ini nampaknya sudahpun diambil kira pemaju harta tanah yang menyebabkan bilangan unit baru dilancar

Rajah 2.17
Pulangan atas Aset bagi Sektor Terpilih



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.18
Nisbah Perlindungan Faedah bagi Sektor Terpilih



Sumber: Bloomberg

pada tahun 2005 dan 2006 berkurang. Walau bagaimanapun, permintaan pada keseluruhannya masih menggalakkan, didorong oleh permintaan terhadap harta tanah mewah dan yang terletak di lokasi utama, yang juga disokong oleh peningkatan minat pembeli dan pelabur asing.

Rajah 2.19
Tahap Kedudukan Kewangan Syarikat Terpilih dalam Sektor Harta Benda



Sumber: Bloomberg

Persaingan yang sengit turut menyebabkan pemaju harta kediaman menawarkan konsep dan reka bentuk perumahan yang baru di samping produk perumahan inovatif dalam pasaran. Dengan proses urbanisasi yang berterusan berserta tahap kemewahan yang meningkat, prospek pemaju harta tanah dijangka bertambah baik.

Sementara itu, kelemahan permintaan terhadap kenderaan penumpang baru menyebabkan sektor automotif menjadi lembap, dengan jumlah jualan industri (termasuk kenderaan komersial) merosot sebanyak 11.1% kepada 490,768 unit pada tahun 2006 (2005: +13.3%, 552,316 unit). Ini menyebabkan permintaan terhadap pembiayaan baru bank berkurang, seperti yang dicerminkan oleh permohonan bagi pembiayaan sewa beli kereta yang merosot sebanyak 23.9%. Sikap berhati-hati pengguna membayangi harga kenderaan yang lebih rendah berikutan pengumuman Dasar Automotif Negara pada bulan Mac 2006. Kejatuhan susulan dalam harga kereta penumpang terpakai khususnya, tidak menggalakkan tukar beli dan penggantian kereta sedia ada. Dengan jualan yang lebih rendah, keuntungan sektor automotif (berdasarkan sampel syarikat automotif yang mewakili lebih daripada 85% permodalan pasaran Bursa Malaysia bagi sektor automotif) merosot dalam sembilan bulan pertama tahun 2006 menyebabkan kemerosotan dalam keupayaan membayar hutang (Rajah 2.20 dan 2.21).

Kemerosotan dalam jualan kenderaan juga menjejaskan prestasi pengeluar komponen automotif. Nisbah liputan faedah pengeluar komponen automotif jatuh kepada 6.5 kali (S3 2005: 9.9 kali) dan nisbah hutang kepada ekuiti pula meningkat kepada 38% (S3 2005: 29.2%).

Rajah 2.20
Pulangan atas Aset bagi Syarikat Terpilih dalam Industri Automotif



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.21
Nisbah Perlindungan Faedah



Sumber: Bloomberg

Sungguhpun begitu, sektor perbankan berupaya menyerap risiko yang mungkin timbul berdasarkan pendedahannya dalam segmen sektor perniagaan ini yang rendah, iaitu hanya 0.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan sistem perbankan pada akhir tahun 2006.

Jadual 2.1
Urus Niaga Harta Kediaman

Tempoh	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Urus niaga harta kediaman							
Unit	170,932	176,208	162,269	164,723	195,241	181,762	176,277
Nilai (RM bilion)	21.9	22.2	21.1	23.0	29.3	28.4	28.7

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 2.2
Jualan Kenderaan (dalam unit)

Tempoh	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Kereta penumpang	282,103	327,447	359,934	320,524	380,568	416,692	366,738
Kenderaan perdagangan	33,732	37,623	42,727	50,882	70,948	97,820	90,471
Kenderaan pacuan empat roda	27,338	31,311	32,293	34,339	36,089	37,804	33,559
Jumlah	**343,173**	**396,381**	**434,954**	**405,745**	**487,605**	**552,316**	**490,768**

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia

Secara keseluruhannya, perkembangan dalam sektor automotif tidak dijangka memberi risiko sistemik kepada kestabilan kewangan. Jangkaan pelancaran model baru oleh pengeluar kereta nasional dan bukan nasional, dan tekanan inflasi yang menjadi sederhana dijangka membantu sektor ini mencatat prestasi yang mampan pada tahun 2007.

Kemungkinan pemangkin dan risiko kepada prestasi sektor korporat masa depan

Dengan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan pada tahun 2007, kedudukan kewangan sektor korporat dijangka terus kukuh. Beberapa sektor dijangka menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berikutan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan program Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007). Ini termasuk 880 projek baru berkaitan pembinaan bernilai RM15 bilion yang akan memberikan kesan memberangsangkan terutamanya terhadap subsektor kejuruteraan awam. Sektor perkilangan, khususnya industri berkaitan pembinaan, yang membekalkan bahan mentah kepada sektor pembinaan, juga dijangka mendapat manfaat daripada permintaan yang kukuh dalam keadaan pasaran yang bertambah baik. Bagi sektor perkhidmatan, industri pelancongan dijangka memberikan kesan limpahan positif atas subsektor runcit, rekreasi dan hospitaliti sepanjang tempoh TMM 2007.

Peningkatan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan yang membabitkan syarikat tersenarai utama daripada pelbagai sektor seperti perladangan, pembinaan, minyak dan gas, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor utiliti dan perjudian) dijangka terus memberikan peningkatan sinergistik kepada sektor korporat. Dalam jangka panjang, perubahan ini menyediakan potensi besar untuk peningkatan keuntungan dan daya tahan kewangan bagi sektor ini. Satu lagi pemangkin utama ialah jangkaan kesan positif daripada perubahan selanjutnya Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies, GLC*) di bawah Fasa 3 Program Transformasi GLC pada tahun 2007.

Sektor isi rumah kekal berdaya tahan dalam persekitaran mencabar

Seperti sektor perniagaan, sektor isi rumah juga berkait rapat dengan perkembangan dalam keadaan makroekonomi. Walaupun harga komoditi yang lebih tinggi dan peningkatan teguh pasaran ekuiti sebahagiannya menyumbang kepada pertumbuhan kukuh aset kewangan isi rumah, jangkaan peningkatan kos sara hidup dilihat mendorong isi rumah mengambil sikap lebih berhati-hati khususnya bagi perbelanjaan barangan besar. Hasil daripada pasaran perumahan dan automotif yang lemah, hutang isi rumah meningkat dengan kadar sederhana sebanyak 9.8% pada tahun 2006 setelah mengalami pertumbuhan pesat selama enam tahun. Selaras dengan perkembangan ini, nisbah khidmat bayaran hutang sektor isi rumah (yang dikira berdasarkan sumbangan pendapatan boleh guna untuk pembayaran prinsipal dan faedah hutang) kelihatan stabil dengan kualiti kredit keseluruhan sektor isi rumah menunjukkan trend menaik.

Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK nominal adalah stabil pada kadar 72.3% (2005: 72.6%) berlatarbelakangkan kenaikan hutang isi rumah terkumpul yang lebih perlahan, disebabkan

Rajah 2.22
Keberhutangan Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia

kurangnya pembelian kereta dan harta kediaman (kedua-duanya dianggarkan mencakupi 70% daripada jumlah hutang isi rumah). Penyederhanaan peminjaman sektor isi rumah meliputi pelbagai pemberi kredit. Sistem perbankan kekal sebagai pembiaya utama memandangkan rangkaian cawangannya yang luas dan wujudnya pakej pembiayaan yang lebih fleksibel.

Walaupun begitu, aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak 11.9% didorong terutamanya oleh prestasi kukuh dalam pasaran ekuiti khususnya menjelang akhir tahun 2006, dan pertumbuhan pelaburan dalam dana amanah saham. Pertumbuhan

Rajah 2.23
Komposisi Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan



[1] Termasuk harta kediaman dan bukan kediaman
Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24
Komposisi Penyedia Kredit kepada Sektor Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia

yang pesat dalam aset kewangan mencerminkan kedudukan kewangan sektor isi rumah yang lebih baik berikutan peningkatan kekayaan sektor tersebut. Pada akhir tahun 2006, nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang ialah 205.1% berbanding 201.2% pada akhir tahun 2005. Di samping itu, aset mudah tunai yang merangkumi deposit dalam institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan berserta pelaburan dalam dana amanah saham, mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 12.8% (2005: 7.5%) untuk mencakupi lebih daripada separuh jumlah aset kewangan isi rumah. Berikutan nisbah aset mudah tunai kepada hutang isi rumah yang tinggi sebanyak 109.3% (2005: 106.4%), sektor isi rumah berada dalam kedudukan yang baik dan berupaya membayar hutang walaupun dalam jangka pendek.

Dengan sokongan keadaan pasaran pekerja yang stabil, tahap pendapatan yang terus meningkat, dan kadar peningkatan keberhutangan yang sederhana, sektor isi rumah kini mempunyai lebih kapasiti untuk mengharungi kejutan.

Keupayaan membayar hutang sektor isi rumah bertambah baik berikutan nisbah pembayaran

balik hutang kepada pendapatan boleh guna yang menurun kepada 40.9% (2005: 41.3%). Sesungguhnya kedudukan sektor isi rumah pada keseluruhannya kekal menggalakkan, berikutan sokongan daripada keadaan pasaran pekerja yang stabil sebagaimana dicerminkan oleh kadar pengangguran yang lebih rendah dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan, kadar peminjaman baru isi rumah yang menjadi sederhana, dan harga komoditi yang lebih tinggi. Pertumbuhan upah dan gaji dalam sektor perkilangan adalah mampan manakala kekukuhan harga komoditi sepanjang tahun 2006 terus menyokong pendapatan pekerja di luar bandar. Walau bagaimanapun, kaji selidik meliputi beberapa buah bank menunjukkan bahawa terdapat tanda-tanda awal masalah kewangan, yang menyebabkan sebilangan isi rumah menstruktur semula kemudahan pinjaman mereka atau memanjangkan lagi tempoh pembayaran balik bagi membantu mereka menguruskan hutang. NPL isi rumah secara agregat terus menurun kepada 7.1% (2005: 7.8%). Bilangan kebankrapan juga menurun sebanyak 14.3% pada tahun 2006 (2005: -2.4%). Semua faktor ini menunjukkan bahawa pendedahan sektor isi rumah kepada kejutan negatif adalah rendah (Rajah 2.27).

Walaupun pinjaman bagi kegunaan peribadi dan baki kad kredit mencakupi sebahagian kecil jumlah hutang isi rumah (2006: 10.8%), ia telah meningkat pada kadar dua angka pada tahun-tahun kebelakangan ini, justeru memerlukan lebih pengawasan dan pemantauan terhadap tanda-tanda masalah kewangan dalam sektor isi rumah. Pada tahun 2006, pinjaman untuk kegunaan peribadi berkembang 16.4% (2005: 15.2%) manakala baki kad kredit meningkat 19% (2005: 17.3%). Sungguhpun begitu, sebahagian besar peningkatan baki kad kredit bukannya berpunca daripada urus niaga pendahuluan wang tunai, kerana jumlahnya masih kecil, yang mencakupi hanya 6.1% daripada jumlah urus niaga kad kredit (2005: 6.5%). Ini menyokong penilaian bahawa kedudukan mudah tunai isi rumah masih berada pada tahap yang terurus. Kegagalan membayar

Rajah 2.25
Nisbah Aset Kewangan kepada Hutang Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2.26
Komposisi Aset Kewangan Isi Rumah (Dinyatakan sebagai Peratusan daripada Jumlah Aset Kewangan Isi Rumah)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Sektor Isi Rumah



balik hutang kad kredit pada dasarnya lebih dikaitkan kepada tabiat berbelanja yang kurang berhemat. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang memberikan nasihat tentang pengurusan hutang kepada pelanggan bermasalah menunjukkan 53.5% daripada individu terbabit menghadapi masalah membayar hutang berikutan penyalahgunaan kad kredit, dan bukannya disebabkan tidak berupaya membayar balik pinjaman perumahan atau kereta. Meskipun begitu, nisbah keseluruhan NPL bagi kad kredit menurun kepada 3.7% pada tahun 2006 (2005: 4.3%). Tambahan lagi, bahagian kad kredit dalam edaran dengan baki pusingan kekal agak stabil (2006: 56%, 2005: 55.1%), yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pemegang kad kredit menyelesaikan baki kad mereka dengan sepenuhnya pada tarikh matang. Penunjuk ini menggambarkan bahawa kemungkinan sistem kewangan terjejas akibat penggunaan kad kredit secara umumnya kekal terbatas dan terbendung.

Sektor perbankan telah berjaya menghadapi perkembangan luar dan dalam negeri yang mencabar pada tahun 2006. Disokong oleh struktur kewangan dan keuntungan yang bertambah kukuh, dan keupayaan mengurus risiko, sektor perbankan mempunyai lebih kapasiti untuk menghadapi cabaran masa depan.

Walaupun maklumat agregat tentang corak keberhutangan isi rumah dan kegagalan membayar sudah tersedia, maklumat peringkat mikro seperti pendapatan, kekayaan dan perbelanjaan isi rumah, terutamanya taburan kekayaan dalam pelbagai kelas aset, dan taburan pendapatan, sama ada tidak tersedia atau tidak komprehensif. Dalam beberapa kes, pengumpulan data tersebut tidak kerap dilakukan, hanya meliputi sampel yang lebih kecil dan kurang terperinci. Usaha sedang diambil untuk meningkatkan pengumpulan data bagi meliputi spektrum aset dan liabiliti kewangan isi rumah yang lebih meluas, dan data peringkat mikro tentang kedudukan kewangan isi rumah. Langkah ini akan menyumbang secara nyata kepada rangka kerja pengawasan dan pemantauan yang lebih baik yang akan membantu pengesanan dan penilaian yang lebih berkesan terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah yang berkemungkinan menjejaskan sistem kewangan.

PENILAIAN RISIKO SEKTOR KEWANGAN

Daya tahan sistem perbankan kekal kukuh dalam menghadapi cabaran

Sektor perbankan mengekalkan daya tahannya dalam menghadapi perkembangan luar dan dalam negeri yang mencabar pada tahun 2006. Institusi perbankan terus mempertingkatkan keupayaannya untuk menghadapi cabaran masa hadapan berbekalkan modal yang mencukupi dan prestasi keuntungan yang mampan. Keadaan ini disokong oleh pengurangan tahap NPL, sebahagiannya mencerminkan kualiti kredit serta piawaian dan amalan pengurusan risiko yang bertambah baik sejak beberapa tahun yang lalu. Daya tahan sistem perbankan akan terus diperkukuh melalui usaha berterusan ke arah pelaksanaan Basel II, yang dijangka memberi lonjakan yang nyata terhadap kapasiti dan kemampuan institusi perbankan mengukur dan mengurus risiko. Sistem perbankan Malaysia juga telah menambah keuntungan dan modal dengan ketara dalam beberapa tahun ini, yang akan menyumbang ke arah melindungi industri daripada kejutan dan gangguan pada masa depan. Semua perkembangan ini akan menyumbang kepada prospek yang lebih baik untuk peruntukan sumber dan pengagihan risiko yang lebih cekap dalam ekonomi.

Kualiti kredit kekal stabil dengan keupayaan bayaran hutang yang meningkat

Kadar faedah yang lebih tinggi berserta tekanan inflasi yang dialami pada separuh pertama tahun 2006 tidak menunjukkan tanda bahawa keupayaan peminjam membayar hutang telah merosot dengan nyata. Hal ini konsisten dengan tahap toleransi yang lebih tinggi yang ditunjukkan oleh sektor isi rumah dan perniagaan. Paras

NPL terus bertambah baik pada tahun 2006, didorong oleh persekitaran ekonomi yang terus memberangsangkan, dan pengukuhan amalan pengurusan risiko dan infrastruktur oleh institusi perbankan. Pada akhir tahun 2006, nisbah NPL bersih (ditolak peruntukan hutang ragu dan lapuk) menurun kepada 4.8% (akhir tahun 2001: 11.5%), disebabkan terutamanya kadar pengelasan semula NPL kepada status berbayar yang lebih tinggi dan hapus kira yang berterusan, manakala tahap lindungan kerugian pinjaman sistem perbankan meningkat kepada 64.7% (akhir tahun 2005: 59.1%).

Dengan hampir 64% daripada pinjaman sistem perbankan berasaskan pembiayaan kadar faedah berubah-ubah, kenaikan kadar faedah akan mengakibatkan obligasi pembayaran balik yang lebih tinggi bagi peminjam. Hal sedemikian biasa berlaku kepada sektor perniagaan, namun sektor isi rumah lebih terlindung kerana hampir 45% daripada pinjaman sektor isi rumah terdiri daripada pembiayaan sewa beli berkadar tetap dan pembiayaan gadai janji perumahan berasaskan konsep pembiayaan Islam. Sungguhpun pendedahan sektor perniagaan kepada pembiayaan berkadar berubah-ubah lebih tinggi, nisbah NPL untuk sektor itu menurun kepada 10.1% pada akhir tahun 2006.

Sementara pendedahan portfolio kepada sektor runcit meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini, perkembangan ini telah menyebabkan portfolio kredit yang lebih seimbang dengan 56.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada akhir tahun 2006 merupakan pinjaman sektor isi rumah (akhir tahun 2000: 34.4%). Bentuk pinjaman sektor isi rumah yang bernilai rendah tetapi pada bilangan yang besar, membolehkan pengagihan risiko kredit yang lebih cekap ke seluruh sektor. Tambahan pula, nisbah aset kewangan kepada hutang sektor isi rumah yang tinggi, iaitu 205.1% menyediakan fleksibiliti tambahan kepada isi rumah untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran yang sering berubah. Sementara itu, jumlah pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat, mencakupi 17.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 44.5% daripada

Rajah 2.28
Jumlah dan Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Sistem Perbankan



pinjaman perniagaan terkumpul. Berdasarkan definisi PKS yang baru, yang meliputi bilangan entiti yang lebih tinggi, nisbah NPL bagi PKS bertambah baik kepada 10.2%.

Dengan prospek pertumbuhan dan guna tenaga masa depan yang terus memberangsangkan, risiko kemerosotan kredit dalam masa terdekat dan jangka pendek terus sederhana. Ini dibuktikan oleh penurunan sebanyak 2.4% dalam jumlah pinjaman tertunggak (ditolak NPL) antara dua hingga tiga bulan kepada RM10.1 bilion untuk mencakupi 1.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Risiko berikutan peningkatan tumpuan pada sektor isi rumah berkurang

Dari aspek penyeliaan, pemeriksaan tematik bagi seluruh industri telah dilaksanakan pada suku kedua tahun 2006 untuk memastikan pengembangan pesat dalam pendedahan institusi perbankan kepada sektor isi rumah tidak mendatangkan risiko yang lebih tinggi kepada kestabilan kewangan. Pemeriksaan ini termasuk penilaian terhadap kecukupan, keteguhan dan keberkesanan infrastruktur, piawaian, dan amalan pengurusan risiko institusi perbankan. Secara khusus, skop penyeliaan tersebut merangkumi isu-isu berkaitan dengan tadbir urus, amalan pasaran, pembangunan produk, originasi dan proses kelulusan pinjaman, penilaian dan pengurusan

cagaran, pengurusan portfolio, penyelenggaraan dan kutipan semula pinjaman serta pengurusan maklumat dan sistem pelaporan.

Secara keseluruhan, hasil penyeliaan adalah memuaskan. Walaupun wujud beberapa kelemahan, pemeriksaan tersebut menunjukkan bahawa langkah-langkah telah dilaksanakan oleh institusi perbankan untuk mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti. Ini termasuk pengukuhan secara progresif infrastruktur dan amalan pengurusan risiko melalui pemarkahan dan penarafan kredit runcit, sistem pengurusan maklumat dan portfolio yang lebih baik, dan pentadbiran, pemantauan, pengurusan dan kutipan semula pinjaman. Langkah-langkah tersebut yang berada di pelbagai peringkat kemajuan dan pelaksanaan menyumbang kepada pengurangan kemungkinan munculnya risiko ekoran peningkatan pendedahan kepada sektor isi rumah.

Bank Negara Malaysia juga telah menjalankan ujian tekanan di peringkat sistem dan juga institusi untuk menilai risiko terhadap kestabilan makro dan mikro. Ujian tersebut dijalankan pada pertengahan tahun 2006 untuk menilai impak situasi buruk yang luar biasa namun berkemungkinan berlaku, termasuk pelarasan harga bon, kemerosotan prestasi sektor korporat, dan kedudukan kewangan sektor isi rumah yang menjadi lemah. Hasil daripada ujian senario ini adalah menggalakkan. Kesan potensi keseluruhan terhadap sistem perbankan masih lagi boleh diurus memandangkan tahap permodalan dan keuntungan yang teguh.

Ketidakpadanan kadar faedah kekal terurus

Peningkatan dalam OPR mempunyai kesan yang terbatas terhadap kedudukan risiko sektor perbankan. Walaupun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saiz dan jumlah instrumen berkadar tetap yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan pembabitan mereka dalam aktiviti berkaitan perbendaharaan dan pelaburan telah berkembang untuk mencakupi 36% daripada aset sektor perbankan, pendedahan risiko masih kekal rendah. Sesungguhnya, kesan peningkatan kadar faedah sebanyak satu peratus terhadap kedudukan kesolvenan institusi perbankan, yang dikira menerusi kaedah kedudukan bersih wajaran tempoh (*duration-weighted net position*), dianggar mengakibatkan penurunan dalam nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio, RWCR*) sebanyak 1.6 mata peratusan (Jadual 2.3).

Dalam persekitaran persaingan yang berterusan, spread antara kadar pinjaman purata (*average lending rate, ALR*) dengan kos dana purata hampir tidak berubah berikutan pelarasan yang pantas dalam kadar faedah deposit dan pasaran wang. Pelarasan yang cepat ini mengurangkan kemungkinan bagi margin



Rajah 2.29
Sistem Perbankan[1]: Taburan Mengikut Kedudukan Bersih Wajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2006



[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam

Rajah 2.30
Pergerakan Kadar Faedah sejak Kenaikan Pertama Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada bulan November 2005



untuk meningkat hasil daripada kenaikan kadar pinjaman. Susulan peningkatan OPR, kadar pinjaman asas disebut purata meningkat sebanyak 74 mata asas sejak akhir bulan November 2005 kepada 6.72% pada akhir tahun 2006. ALR pula meningkat sebanyak 59 mata asas kepada 6.57% setahun.

Berikutan mudah tunai yang berterusan banyak dalam sistem perbankan, deposit terkumpul meningkat 15.5% pada tahun 2006 mengatasi pertumbuhan sebanyak 6.3% dalam pinjaman terkumpul. Ini menambahkan tekanan terhadap margin kadar faedah kasar yang menurun sedikit kepada 2.80 mata peratusan pada akhir bulan Disember 2006.

Memandangkan wujudnya sistem dwiperbankan di Malaysia, kenaikan kadar faedah dalam sistem kewangan konvensional dalam tempoh yang singkat, sedikit sebanyak menambahkan tekanan persaingan dalam sistem kewangan Islam dari segi menepati jangkaan terhadap semakan kadar pulangan yang dibayar kepada pendeposit. Satu ciri utama perbankan Islam ialah pulangan yang dibayar kepada pendeposit dipengaruhi terutamanya oleh hasil sebenar aset sesebuah institusi perbankan Islam dan bukannya seperti faedah yang dibayar kepada pendeposit konvensional yang ditetapkan secara kontrak.

Jadual 2.3
Sistem Perbankan: Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kekukuhan Modal

	Kedudukan bersih wajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada modal asas (%)		Impak terhadap nisbah modal wajaran risiko (mata peratusan)	
	Pada akhir tahun					
	2005	2006	2005	2006	2005	2006
Bank perdagangan[1]	-6,453	-5,803	-8.4	-7.5	-1.7	-1.4
Bank saudagar/pelaburan	-311	-478	-6.3	-8.4	-2.3	-6.5
Sistem perbankan[2]	-6,765	-6,281	-8.3	-7.5	-1.7	-1.6

[1] Termasuk syarikat kewangan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Rajah 2.31
Pergerakan Margin Faedah Kasar dan Bersih



Rajah 2.33
Pergerakan PER dan Kadar Disebut Purata Deposit Tetap



Memandangkan pendapatan pembiayaan secara berterusan mencakupi lebih daripada 80% daripada jumlah pendapatan institusi perbankan Islam sejak tiga tahun yang lalu, kadar pulangan deposit Islam amat bergantung pada pendapatan yang dihasilkan oleh aktiviti pembiayaan yang kebanyakannya berjangka tetap (Rajah 2.32). Oleh sebab itu, tindak balas institusi perbankan Islam terhadap perubahan dalam kadar faedah adalah terbatas.

Kadar faedah deposit konvensional yang lebih tinggi pada awal tahun 2006 yang merupakan tindak balas terhadap kenaikan OPR membangkitkan semula isu risiko komersial teralih (*displaced commercial risk*), yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam. Dalam menguruskan jangkaan kadar pulangan kepada pendeposit, rizab penyamaan keuntungan

Rajah 2.32
Komposisi Pendapatan Institusi Perbankan Islam[1]



[1] Termasuk jendela perbankan Islam

(*profit equalisation reserves, PER*) telah digunakan untuk menstabilkan pulangan yang boleh diagih kepada pendeposit. Ini menyebabkan PER merosot secara berterusan pada sebahagian besar tahun. Walau bagaimanapun, apabila pelarasan pada kadar pembiayaan mengalami kenaikan pada akhir tahun 2006, PER kembali bertambah.

Kemungkinan impak daripada pergerakan pasaran adalah kecil

Pendedahan sistem perbankan kepada risiko ekuiti dan pertukaran asing kekal rendah dan terus menimbulkan risiko minimum kepada kestabilan sistemik. Dari aspek ekuiti, pendedahan risiko berpunca daripada pegangan saham tersenarai dan saham tidak tersenarai masing-masing hanya mencakupi 0.2% dan 2.6% daripada jumlah aset dan modal asas sistem perbankan. Pegangan ekuiti meningkat sedikit, iaitu sebanyak 3.4% kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2006, sebahagian besarnya berpunca daripada pemerolehan terhad saham ekoran kurangnya aktiviti penstrukturan semula pinjaman pada tahun itu. Jumlah pendapatan dagangan bersih juga terus rendah, mencakupi 6.4% daripada jumlah pendapatan sistem perbankan pada tahun itu. Pembiayaan untuk pembelian sekuriti kekal kecil pada 3.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan, dengan nisbah NPL pada 9.5%.

Dengan pendedahan agregat kepada pasaran ekuiti, dalam bentuk pegangan hak milik, serta pinjaman dan pembiayaan yang hanya sebanyak 2% daripada aset sistem perbankan, risiko kepada

sektor perbankan adalah kecil. Ini terbukti apabila suasana turun naik dalam pasaran ekuiti pada bulan Februari 2007 tidak memberi kesan terhadap daya tahan institusi perbankan secara individu mahupun keseluruhan sistem kewangan.

Dalam sektor pertukaran asing, kedudukan mata wang asing terbuka bersih (*net open foreign currency position, NOP*) menunjukkan turun naik yang lebih ketara sejak rejim kadar pertukaran mata wang yang fleksibel diterima pakai pada bulan Julai 2005. Namun begitu, parasnya kekal rendah, hanya mencakupi 4.5% daripada modal asas. Selaras dengan kedudukan ini, jumlah caj modal untuk risiko pasaran dalam rekod urus niaga institusi perbankan hanya mencakupi 4.3% daripada modal asas. Ini bersamaan dengan pengurangan sebanyak satu mata peratusan dalam nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio, RWCR*) pada akhir tahun 2006.

Permodalan yang kukuh menyediakan kapasiti penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kejutan buruk

Pada tahun 2006, tahap permodalan sistem perbankan kukuh dengan institusi perbankan terus mempelbagai dan mengurangkan kos modal, sementara memaksimumkan nilai kepada pemegang saham. Dengan RWCR pada 12.8%, tahap semasa permodalan menyediakan penampan yang kukuh terhadap risiko kredit dan risiko lain yang dihadapi oleh institusi perbankan dan dapat mendorong aktiviti pemberian pinjaman dan perdagangan untuk terus berkembang.

Rajah 2.34
Sistem Perbankan: Pendedahan Risiko Pasaran



[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai

Sejak tahun 2004, aktiviti pengurusan modal yang aktif telah meningkatkan pulangan kepada pemegang saham. Spread positif antara kadar faedah AS dan domestik serta jangkaan pengukuhan ringgit telah mendorong kepada terbitan hutang subordinat berdenominasi dolar AS. Selain itu, pengawalseliaan yang lebih fleksibel yang mengiktiraf instrumen modal yang inovatif sebagai modal Kumpulan-1 telah membawa kepada terbitan instrumen modal hibrid berdenominasi ringgit oleh beberapa institusi perbankan. Terbitan instrumen hibrid ini dijangka tidak akan menjejaskan kekukuhan modal Kumpulan-1 kerana urus niaga ini pada amnya terhad, memandangkan jumlah terbitan instrumen inovatif modal Kumpulan-1 dihadkan pada 15% daripada jumlah modal Kumpulan-1. Modal Kumpulan-1 terus menjadi komponen utama dalam modal sistem perbankan dengan nisbah modal teras kekal pada tahap yang cukup tinggi antara 10-12%. Sejumlah besar daripada modal Kumpulan-1 terdiri daripada modal berbayar, perolehan tertangguh dan rizab, yang dapat memberi sokongan yang besar terhadap pengambilan risiko. Ini seterusnya disokong oleh modal sebanyak RM31.9 bilion yang tersedia dalam sistem perbankan yang melebihi keperluan modal minimum 8%.

Persekitaran mudah tunai lebihan dalam keadaan persaingan yang semakin hebat

Mudah tunai lebihan dalam sistem perbankan berterusan ekoran meningkatnya aliran masuk perolehan eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing serta dana portfolio yang stabil. Pada akhir tahun 2006, lebihan mudah tunai kumulatif sistem perbankan diunjurkan sebanyak RM76.1 bilion, berdasarkan anggaran permintaan mudah tunai dan pengeluaran luar jangka hingga seminggu. Secara individu, semua institusi perbankan juga mengunjurkan lebihan dalam tempoh satu minggu dan satu bulan, yang melebihi keperluan pengawalseliaan sedia ada.

Satu bidang pemantauan rapi ialah persaingan yang meningkat dalam persekitaran mudah

Rajah 2.35
Sistem Perbankan: Komponen Modal
(% daripada jumlah)



tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan, boleh membawa implikasi terhadap gelagat pengambilan risiko dan penetapan harga oleh institusi perbankan.

Sektor Insurans dan Takaful Mengekalkan Daya Tahannya

Prestasi sektor insurans dan takaful yang kukuh pada tahun 2006 telah menyumbang kepada peningkatan daya tahan dan keteguhan sektor tersebut. Faktor penyumbang lain termasuk penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan risiko terutamanya dalam bidang penajajaminan dan amalan pelaburan. Secara keseluruhan, perkembangan-perkembangan ini mendorong kepada pengukuhan selanjutnya dalam keupayaan industri untuk mengatasi persekitaran operasi yang semakin mencabar. Tiada risiko besar yang telah muncul manakala kelemahan sedia ada terus terkawal. Nisbah margin kesolvenan penanggung insurans konvensional yang diukur berdasarkan lebihan aset yang dibenarkan berbanding dengan jumlah dikira melebihi 200%. Tahap ini melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, iaitu 100%. Cadangan pelaksanaan rangka kerja modal berasaskan risiko bagi penanggung insurans pada tahun 2007 akan melengkapkan langkah-langkah untuk memperbaiki amalan pengurusan risiko oleh penanggung insurans. Rangka kerja ini juga dijangka menyumbang kepada peruntukan modal yang lebih optimum oleh sektor insurans.

Pengurusan aset dan liabiliti yang tidak sepadan terus menjadi cabaran utama kepada perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga. Sementara pasaran kewangan telah menjadi lebih mendalam dan meluas, bekalan instrumen kewangan jangka panjang pada kualiti yang boleh diterima, dan kadar hasil yang sepadan dengan bentuk liabiliti insurans yang berjangka panjang yang lazimnya antara 20 hingga 30 tahun, masih terhad. Satu kaji selidik berdasarkan kedudukan dana hayat bagi tahun kewangan 2005, yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, menunjukkan bahawa risiko ketidakpadanan mencakupi sehingga 17.5% daripada jumlah caj modal, mencerminkan takat

Jadual 2.4
Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2006

	Ketidakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan	59.5	64.2	10.7	11.5
Bank-bank Islam	8.5	13.1	17.0	26.3
Bank saudagar/pelaburan	8.2	8.5	51.3	53.2
Sistem perbankan	**76.1**	**85.8**	**12.2**	**13.7**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

ketidakpadanan tersebut. Pengenalan produk berkaitan pelaburan yang memindahkan risiko pelaburan kepada pemegang polisi, kefleksibelan dalam pengurusan pelaburan, termasuk pelaburan di luar negeri, dan langkah-langkah berterusan untuk membangunkan pasaran kewangan, merupakan perkembangan penting yang membantu penanggung insurans hayat mengurus dan mengurangkan kesan risiko ketidakpadanan. Sementara itu, kesan perkembangan dalam pasaran kewangan domestik terhadap penanggung insurans agak terhad. Walaupun terdapat pergerakan dalam kadar hasil bon, keberuntungan dan seterusnya kedudukan kesolvenan penanggung insurans tidak terjejas dengan teruk kerana bon yang dipegang oleh penanggung insurans dinilai berdasarkan kos dan bukan harga pasaran.

Bagi sektor insurans am, perkara yang membimbangkan ialah trend menaik dalam award mahkamah yang semakin meningkat untuk kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya. Turut membimbangkan ialah kemungkinan berlaku pengurangan dalam keupayaan menginsurans semula perlindungan liabiliti yang tidak terhad bersabit dengan kecederaan anggota badan. Tambahan pula, perkembangan dalam industri automotif mempunyai implikasi terhadap prestasi sektor insurans am, khususnya segmen perniagaan motor. Penurunan dalam jumlah jualan yang berpanjangan, yang diiringi oleh persaingan yang meningkat, boleh memberi tekanan yang besar kepada penanggung insurans am terutamanya mereka yang merupakan peserta niche dalam segmen perniagaan ini, untuk mencari bidang pertumbuhan yang baru bagi tujuan mempelbagaikan perniagaan mereka dan mengekalkan pendapatan masa depan. Perkembangan ini dan impaknya terhadap industri insurans am akan terus dipantau dengan rapi oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan risiko tersebut diberi perhatian secukupnya.

Perubahan dalam fenomena meteorologi dan kejadian bencana alam yang semakin kerap, yang walaupun belum terbukti dan muktamad, mungkin merupakan sumber risiko bagi sektor insurans. Anggaran awal kerugian diinsuranskan kasar akibat kejadian banjir di selatan Semenanjung baru-baru ini adalah dalam lingkungan RM178 juta. Sementara beberapa penanggung insurans masih lagi belum mentaksirkan sepenuhnya kerugian, khasnya yang berhubung dengan kejadian banjir kali kedua dan ketiga, kerugian dijangka dalam lingkungan yang boleh diurus dan tidak akan menjejaskan kedudukan kesolvenan penanggung insurans.

Ekoran satu kes mahkamah baru-baru ini, prinsip yang sekian lama dipegang, iaitu polisi kebakaran ialah kontrak tanggung rugi, kini menjadi persoalan. Bank Negara Malaysia sedang memantau perkembangan ini dan mengkaji semula implikasi kes ini, selain mengkaji beberapa pilihan dasar berkaitan perkara tersebut, termasuk pindaan kepada Akta Insurans 1996.

PENILAIAN RISIKO MASA AKAN DATANG

Pertumbuhan ekonomi global dijangka mampan pada kadar melebihi 4% pada tahun 2007. Meskipun terdapat sedikit kelemahan dalam sektor perumahan dan automotif, ekonomi AS dijangka mengekalkan pertumbuhannya, sementara prospek pertumbuhan di kawasan euro dijangka bertambah baik. Dalam rantau ini, ekonomi Jepun dijangka terus kukuh. Keadaan ekonomi di seluruh rantau dijangka terus menggalakkan dan perolehan korporat dijangka meningkat melebihi syarikat di negara maju. Prospek pertumbuhan ekonomi yang mampan di negara-negara di Asia menunjukkan aliran masuk portfolio dengan jumlah yang besar ke rantau ini akan berterusan. Bagi sektor dalam negeri, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan. Sungguhpun sektor eksport mungkin terjejas sedikit ekoran penyederhanaan sektor luaran, permintaan dalam negeri yang terus teguh termasuk permintaan penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan yang mampan akan menyokong momentum pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Ini akan dilengkapi oleh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan secara progresif dan projek pembangunan lain

seperti projek Wilayah Pembangunan Ekonomi Selatan Johor, Jambatan Pulau Pinang, dan Projek Monorel yang akan menjana kesan limpahan yang positif kepada sektor dalam negeri.

Usaha pengawasan dan pemantauan pada tahun 2007 akan menumpukan pada perkembangan di sektor luar negeri, pergerakan dalam aliran modal dan implikasinya atas harga aset, dan implikasi potensinya terhadap sektor kewangan akan terus dinilai bagi memastikan risiko terhadap kestabilan kewangan akan diurus dengan berkesan.

Risiko yang mungkin timbul

Meskipun terdapat perkembangan-perkembangan positif ini, risiko kepada kestabilan sistem kewangan terus dipantau dengan rapi. Memandangkan ekonomi Malaysia yang terbuka dan hubung kaitan yang meningkat dengan pasaran dan negara lain, negara ini turut terdedah kepada risiko kontagion.

Pertumbuhan global masih terdedah kepada risiko pelarasan kepada ketidakseimbangan global yang tidak teratur, termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi AS yang lebih buruk dari jangkaan

Sementara perkembangan baru-baru ini menunjukkan bahawa defisit akaun semasa AS mulai stabil, disokong kejatuhan harga minyak mentah dan prospek pertumbuhan negara perindustrian utama lain yang bertambah baik, risiko pelarasan yang tidak teratur tidak boleh diketepikan. Sementara kesan kelembapan pasaran perumahan terhadap ekonomi AS tertumpu terutamanya pada pelaburan harta kediaman, kemungkinan pasaran perumahan bertambah lemah masih wujud. Ini berdasarkan kepada bahagian pelaburan harta kediaman dalam KDNK yang masih melebihi purata lampau dan, inventori dan kadar kekosongan pemilik

Rajah 2.36
Pelaburan Harta Kediaman AS sebagai Peratusan daripada KDNK



Sumber: Bureau of Economic Analysis, AS

rumah yang tinggi, yang kesemua faktor ini membayangkan bahawa lebihan bekalan masih lagi ketara. Kelemahan dalam pasaran ini mungkin memberi kesan yang buruk kepada penggunaan swasta dan perbelanjaan modal yang boleh menyebabkan kelembapan pertumbuhan AS yang lebih buruk dari jangkaan. Ini seterusnya mungkin akan menyebabkan penghindaran portfolio aset berasaskan dolar. Tekanan yang serupa mungkin timbul daripada dasar monetari yang terus ketat di negara perindustrian lain yang seterusnya mungkin menjejaskan aktiviti *carry trade* dan mengurangkan sokongan terhadap dolar ekoran perbezaan hasil yang semakin kecil. Sehingga kini, risiko dan kelemahan ini terus menjadi bidang tumpuan bagi tujuan pengawasan dan pemantauan.

Rajah 2.37
Pergerakan Wajaran Perdagangan USD



Sumber: The Federal Reserve Board, AS

Kenaikan harga minyak mentah yang mendadak boleh mendorong semula tekanan inflasi

Walaupun harga minyak mentah telah menurun dari tahap tertingginya pada bulan Julai 2006, ketidakpastian sama ada harga yang lebih rendah ini akan berterusan, masih wujud. Sekiranya harga minyak naik semula secara tiba-tiba, terdapat kemungkinan yang lebih besar bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih perlahan, dan tekanan inflasi muncul semula. Berdasarkan anggaran International Energy Agency, permintaan global terhadap minyak diramalkan meningkat lebih pantas pada tahun 2007, pada kadar 1.6% berbanding dengan kenaikan 0.9% pada tahun 2006. Terdapat juga kemungkinan yang kejutan bekalan akan berlaku. Dengan lebihan kapasiti berada pada paras yang rendah, sebarang gangguan atau kebimbangan geopolitik yang semakin memuncak dalam negara pengeluar minyak mentah yang utama mungkin akan mengakibatkan lonjakan harga minyak sekali lagi. Faktor-faktor yang mengurangkan prospek kenaikan harga, termasuk pelaburan dalam kapasiti pengeluaran dan penapisan baru dalam kalangan dan di luar negara-negara Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (*Oil Producing and Exporting Countries, OPEC*), pempelbagaian kepada sumber tenaga alternatif dan peningkatan usaha pemuliharaan, akan hanya membuahkan hasil dalam jangka pertengahan.

Aliran masuk modal yang berterusan berpotensi menaikkan harga aset dan membentuk gelembung aset

Pasaran kewangan global telah berkembang dengan ketara, dipacu oleh aliran modal yang meningkat dan pertumbuhan pengantara kewangan yang baru. Perkembangan ini pada amnya menggalakkan dan dihasratkan, dan sebahagian besarnya telah menyumbang kepada pengukuhan prestasi pasaran kewangan. Pada masa yang sama, aliran modal juga akan merangsang pertumbuhan dan menyumbang kepada peningkatan kekayaan. Sementara keyakinan pelabur tentang keadaan makroekonomi dan prospeknya merupakan petanda baik bagi ekonomi tersebut, aliran masuk modal yang berlebihan ke pasaran kewangan dalam jangka waktu yang panjang ditambah oleh mobiliti modal yang tinggi, mungkin menyebabkan gelembung harga aset terutamanya jika urus niaga tersebut berbentuk spekulatif dan tidak disokong oleh asas-asas yang kukuh. Penarikan keluar modal secara tiba-tiba oleh pelabur asing yang diikuti oleh pembetulan ketara dalam harga aset boleh menjejaskan ekonomi-ekonomi berkenaan.

Selain itu, aliran modal juga boleh merangsang harga di pasaran harta tanah dan meningkatkan aktiviti harta tanah. Berdasarkan saiz pendedahan sektor perbankan kepada sektor harta tanah secara luas, sebarang pergerakan nyata dan berterusan dalam harga harta tanah dan harta benda mampu mempunyai implikasi terhadap kualiti kredit portfolio pinjaman institusi perbankan.

Fenomena turun naik dan premium risiko yang rendah serta perubahan arah dalam aliran modal boleh mewujudkan kesan ketidakstabilan

Selain implikasi daripada pergerakan harga aset, pendedahan yang bertambah terutamanya di pasaran sedang pesat membangun, mengakibatkan pasaran kewangan mudah terjejas oleh sebarang pertukaran arah yang ketara dan mendadak dalam aliran modal. Perubahan dalam jangkaan secara melulu atau sikap pelabur yang keberatan mengambil risiko secara keterlaluan boleh membawa kepada penilaian semula risiko lalu menyebabkan harga aset jatuh dengan ketara, berpunca daripada pelarasan dan pembubaran portfolio yang pantas dan tidak teratur. Ekoran kemungkinan kesan ketidakstabilan, risiko sedemikian terus dipantau dengan rapi oleh Bank Negara Malaysia supaya langkah dasar dan langkah awalan yang sesuai boleh diambil untuk menangani dan mengurangkan implikasinya.

Prospek terhadap kestabilan sistem kewangan masih menggalakkan

Pendedahan sistem kewangan terhadap risiko kredit, pasaran dan mudah tunai yang dikaitkan dengan sektor isi rumah dan perniagaan serta pembabitan mereka dalam pasaran kewangan, terus terkawal dalam had berhemat. Sementara perkembangan dalam persekitaran luar negeri dan pasaran domestik mungkin memberi

tekanan, prestasi kewangan yang teguh dan tahap permodalan sektor kewangan yang tinggi ekoran pencapaian keuntungan yang kukuh pada tahun-tahun yang lalu dan juga pendapatan yang lebih pelbagai, akan membolehkan sistem kewangan bertahan sekiranya berhadapan dengan perkembangan tersebut serta kejutan dan gangguan yang mengiringinya. Infrastruktur kewangan yang lebih pelbagai dan pasaran modal yang semakin maju juga akan membolehkan sistem kewangan mengurus risiko dengan lebih berkesan dan cekap.

Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Malaysia

Tinjauan

Regim Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan *(Anti Money Laundering/Counter Financing of Terrorism, AML/CFT)* nasional dilaksanakan berdasarkan kerjasama strategik antara Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa yang dilantik Menteri Kewangan untuk mentadbir Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (*Anti Money Laundering Act, AMLA*), dengan agensi Kerajaan dan badan pengawalseliaan yang berkaitan. Matlamat program AML/CFT adalah untuk mengelak institusi kewangan di Malaysia dan perniagaan serta profesyen bukan kewangan tertentu daripada menjadi sasaran saluran pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan. Sokongan padu yang diberi oleh badan pengawalseliaan yang lain, agensi penguatkuasa undang-undang dan sektor swasta, terutamanya institusi kewangan, amat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program AML/CFT. Sesungguhnya, pelaksanaan regim AML/CFT secara efektif merupakan bidang tumpuan penting dalam memastikan sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan berupaya menyokong proses pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan pengalaman, sumber utama pengubahan wang haram adalah daripada perolehan haram aktiviti pengedaran dadah sebagaimana terbukti oleh penyitaan atau rampasan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Penyitaan Harta) 1988. Walau bagaimanapun, masalah pengedaran dadah di Malaysia telah berkurang berikutan penguatkuasaan tegas yang berterusan oleh Polis Diraja Malaysia dalam menguatkuasakan Akta tersebut.

Sehingga kini, Jabatan Peguam Negara Malaysia telah membawa 21 kes pengubahan wang haram ke mahkamah. Dua kes telah disabitkan kesalahan pada tahun 2005 dan 2007. Baki 19 kes masih dalam pelbagai peringkat pendakwaan. Kes-kes ini melibatkan sebanyak 738 pertuduhan kesalahan pengubahan wang haram dengan nilai terkumpul sebanyak RM262.1 juta.

Di peringkat serantau dan antarabangsa, Malaysia terus memainkan peranan aktif dalam Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations, ASEAN*) dengan menggalakkan usaha mempertingkatkan keupayaan para pegawai di rantau ini yang terbabit dalam memerangi aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan.

Perkembangan Terkini Program AML/CFT Malaysia

Peluasan Jaringan Pengawalseliaan AMLA

Pelbagai usaha berterusan telah dilakukan untuk memperluaskan skop pelaksanaan AMLA kepada institusi pelapor dalam kategori lain. Usaha ini diperlengkapkan dengan inisiatif program kesedaran AMLA untuk institusi pelapor baru dan prospektif terhadap keperluan AMLA. Pada tahun 2006, jaringan pengawalseliaan AMLA diperluas kepada pemberi pinjaman wang, pemegang pajak gadai, agen harta tanah berdaftar, syarikat pengurusan amanah saham, pengurus dana, pengurus dana niaga hadapan, syarikat amanah, Malaysia Building Society Berhad, penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank dan pengeluar kad caj dan kad kredit bukan gabungan bank.

Peluasan peruntukan AMLA dilakukan dalam dua peringkat bermula dengan pelaksanaan keperluan melapor transaksi mencurigakan, diikuti dengan peruntukan selebihnya di bawah Bahagian IV AMLA yang membabitkan kajian usaha wajar terhadap pelanggan dan program pematuhan. Peruntukan perundangan dalam Bahagian IV yang selebihnya ini telah dilaksanakan

terhadap pertubuhan perjudian berlesen, sebuah institusi kewangan pembangunan, setiausaha syarikat, akauntan, peguam, dan notari awam pada 10 Ogos 2006.

Keperluan melapor transaksi tunai *(cash threshold reporting, CTR)* sebanyak RM50,000 ke atas, dalam sehari, telah dilaksanakan pada bulan September 2006. Institusi perbankan merupakan kumpulan institusi pelapor pertama yang diperlukan untuk mengemuka CTR kepada Bank Negara Malaysia di bawah AMLA. Pelaksanaan keperluan CTR ini melengkapkan kewajipan perundangan mandatori yang dikenakan atas institusi perbankan dan institusi pelapor kategori lain untuk mengemukakan laporan transaksi mencurigakan *(suspicious transaction report, STR)*. Pengemukaan oleh institusi perbankan ini dijangka dapat mempertingkatkan analisis perisikan kewangan yang kini dijalankan oleh Bank Negara Malaysia.

Mempertingkatkan Mekanisme Pengawalan & Penyeliaan AMLA

I. Garis Panduan AML/CFT

Satu set Garis Panduan AML/CFT (disemak) dikeluarkan kepada institusi perbankan dan industri insurans serta takaful pada bulan November 2006 bagi menggantikan garis panduan "Dasar Kenali Pelanggan Anda" (GP9) dan Garis Panduan tentang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (JPI/GPI 27) yang dikeluarkan masing-masing pada tahun 1995 dan 2001. Garis Panduan AML/CFT semakan ini menetapkan keperluan pengawalseliaan yang selaras dengan Saranan 40+9 Pasukan Petugas Tindakan Kewangan bagi Pengubahan Wang Haram *(Financial Action Task Force on Money Laundering, FATF)* dan AMLA. Antara lain, Garis Panduan semakan ini memberi lebih penekanan terhadap pengawasan yang efektif oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa dasar dan prosedur yang diterima pakai oleh institusi mereka mematuhi AMLA dan keperluan pengawalseliaan yang berkaitan.

II. Pemantauan Pematuhan

Langkah dasar bagi tahun 2006 terus tertumpu pada usaha memastikan pematuhan AML/CFT dan keberkesanan program dalaman AML/CFT institusi pelapor. Pegawai pematuhan yang dilantik di setiap institusi pelapor memainkan peranan yang penting bagi memastikan institusi pelapor menerima pakai, merangka dan melaksanakan program, dasar dan kawalan AML/CFT dalaman untuk melindungi dan mengesan kesalahan pengubahan wang haram atau pembiayaan aktiviti keganasan. Institusi pelapor juga diperlukan untuk melakukan audit bebas atas program pematuhan AML/CFT dalaman bagi memastikan langkah AML/CFT dalaman mereka berkesan, terkini dan mematuhi semua keperluan AMLA dan garis panduan pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Selaras dengan itu, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan rangka kerja penyeliaan AMLA yang komprehensif untuk memudahkan penyeliaan langkah AML/CFT institusi kewangan yang berkesan. Pengawasan program AML/CFT secara berterusan oleh pihak penyelia memberi sumbangan besar ke arah meningkatkan pematuhan institusi kepada piawaian AML/CFT antarabangsa dan meningkatkan mutu STR yang dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia.

III. Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bank Negara Malaysia memulakan projek untuk mempertingkatkan Sistem Perisikan Kewangannya *(Financial Intelligence System, FINS)* sejak bulan November 2005, antara lain bagi membolehkan pengemukaan CTR secara dalam talian oleh industri perbankan. Di samping itu, FINS juga akan membantu mempertingkatkan mutu dan ketepatan masa analisis maklumat risikan kewangan melalui penggunaan perisian analisis maklumat risikan yang canggih, alat pengurusan kes dan perisian penyebaran maklumat. Ciri tambahan baru FINS ini juga akan banyak membantu agensi penguatkuasa undang-undang dalam mempercepatkan siasatan.

Kerjasama Antarabangsa

Penilaian Bersama oleh Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram

Malaysia kini selesai menjalani Penilaian Bersama kali kedua oleh Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram *(Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG)* pada bulan Februari 2007. Matlamat Penilaian Bersama ini adalah untuk menilai tahap kepatuhan negara ahli terhadap piawaian antarabangsa iaitu Saranan 40 FATF tentang pengubahan wang haram dan Saranan Khas 9 tentang pembiayaan aktiviti keganasan. Berbeza dengan Penilaian Bersama tahun 2001, Penilaian Bersama pada tahun 2007 menggunakan Kaedah FATF 2004 (**disemak**), yang menggariskan lebih daripada 250 kriteria penting untuk Saranan 40+9 FATF. Ia merangkumi sistem perundangan Malaysia, langkah keinstitusian berkaitan, langkah pencegahan dalam institusi kewangan dan perniagaan serta profesyen bukan kewangan tertentu, serta kerjasama peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selaras dengan trend antarabangsa, undang-undang yang memperuntukkan tindakan keganasan sebagai suatu jenayah dan pembiayaan aktiviti keganasan perlu diwujudkan. Bagi Malaysia, peruntukan perundangan yang berkaitan telah dikuat kuasa pada bulan Mac 2007. Penilaian Bersama dijangka menyenaraikan bidang yang masih belum dipatuhi Malaysia berdasarkan piawaian FATF dan saranan oleh para penilai untuk memperbetulkan kekurangan yang dikenal pasti. Semua saranan ini akan dimuatkan ke dalam Laporan Penilaian Bersama yang akan dibentangkan untuk diterima pakai pada Mesyuarat Tahunan APG pada bulan Julai 2007.

Unit Perisikan Kewangan Kumpulan Egmont

Bank Negara Malaysia merupakan ahli Unit Perisikan Kewangan *(Financial Intelligence Unit, FIU)* Kumpulan Egmont sejak bulan Julai 2003. Matlamat Kumpulan Egmont ialah memberi sokongan kepada FIU bagi mempertingkatkan program AML/CFT nasional masing-masing. Sokongan ini termasuk memperluas dan melaksanakan pertukaran maklumat perisikan kewangan secara sistematik dalam kalangan 100 ahlinya, dan mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai perisikan. Kumpulan Egmont, yang merupakan kumpulan tidak rasmi, memberikan peluang kepada Bank Negara Malaysia dan FIU lain untuk bertukar maklumat penting tentang jenayah merentasi negara dengan pantas. Kini, kumpulan ini sedang dalam proses untuk ditubuhkan secara rasmi. Malaysia, sebagai Pengerusi kumpulan bagi Asia, merupakan ahli Jawatankuasa Pelaksanaan yang bertanggungjawab menubuhkan Kumpulan Egmont secara formal menerusi penubuhan Sekretariat Tetap di Toronto, Kanada, dan mendraf Dokumen Piagam Kumpulan Egmont.

Memorandum Persefahaman (MoU) tentang Perkongsian Maklumat Risikan Kewangan

Bank Negara Malaysia sentiasa menekankan pentingnya perkongsian maklumat risikan kewangan merentasi sempadan dan peningkatan keupayaan pegawai terbabit. Pada bulan Jun 2006, Bank Negara Malaysia menandatangani satu Memorandum Persefahaman *(Memorandum of Understanding, MoU)* dengan People's Bank of China untuk berkongsi maklumat risikan kewangan selain menjalin kerjasama dalam bidang latihan kakitangan. Di samping itu, MoU juga telah ditandatangani dengan FIU dari Australia, Indonesia, Filipina dan Thailand untuk berkongsi maklumat risikan kewangan. Beberapa MoU lagi dijangka ditandatangani apabila proses perbincangan disempurnakan.

Bantuan Teknikal/Program Sokongan Rakan

Bank Negara Malaysia terus memberikan bantuan teknikal kepada rakannya dalam ASEAN dalam usaha mencegah pengubahan wang haram. Pada bulan Oktober 2006, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama FIU dari Australia dan sebuah institusi perbankan domestik menjalankan program

bantuan teknikal untuk dua bank perdagangan milik negara Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menubuhkan regim AML/CFT asas yang selaras dengan piawaian antarabangsa. Bantuan teknikal ini dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia sebagai sebahagian daripada program Pembaharuan Sektor Perbankannya. Di samping itu, Bank Negara Malaysia turut menyediakan bantuan tenaga pengajar dalam pelbagai program latihan AML/CFT yang dianjurkan oleh organisasi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia.

Bina Upaya

Pembangunan Modal Insan

I. Program Persijilan Penyiasat Kewangan

Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram *(National Co-ordination Committee to Counter Money Laundering, NCC)* sebagai badan penggubal dasar tertinggi bagi program AML/CFT, terus memainkan peranannya dalam memanfaatkan kepakaran anggotanya yang terdiri daripada 13 Kementerian dan agensi Kerajaan. Di bawah kepimpinan NCC, Program Persijilan Penyiasat Kewangan *(Certified Financial Investigator Programme, CFIP)* telah dilancarkan pada bulan Mac 2006, dengan matlamat meningkatkan tahap profesionalisme serta kemahiran dan pengetahuan penyiasat kewangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka bagi membendung jenayah kewangan. Ia juga menandakan pencapaian penting Malaysia dalam usaha mempertingkatkan inisiatif bina upaya bagi membentuk satu kumpulan penyiasat kewangan yang berkelayakan. Pada bulan Disember 2006, sejumlah 24 orang pegawai daripada pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi penguatkuasa undang-undang dianugerahi sijil CFIP.

II. Bengkel untuk Pegawai Pematuhan

Menyedari bahawa pegawai pematuhan institusi pelapor bertanggungjawab melaksanakan program dalaman AML/CFT, program bina upaya juga dianjurkan oleh institusi latihan masing-masing untuk memberi pendidikan profesional lanjutan yang perlu dalam bidang AML/CFT. Selain melengkapkan pegawai pematuhan dengan maklumat terkini mengenai pelbagai jenis pengubahan wang haram, bengkel tersebut juga membantu meningkatkan pemahaman tentang kawalan risiko dalaman bagi membolehkan prosedur dan kawalan AML/CFT institusi terbabit dipertingkatkan.

III. Inisiatif Latihan ASEAN SOMTC

Malaysia, dalam memainkan peranannya sebagai peneraju pencegahan pengubahan wang haram pada Mesyuarat Pegawai Tinggi ASEAN bagi Jenayah Merentasi Negara *(Senior Officials Meeting on Transnational Crime, SOMTC)*, menganjurkan dengan jayanya Bengkel Analisis Nilai Bersih Asas dan Lanjutan masing-masing pada bulan Mac dan Julai 2006. Bengkel tersebut yang dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, merupakan sebahagian daripada pelan kerja untuk Kerjasama ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea) untuk Memerangi Jenayah Merentasi Negara. Matlamat bengkel tersebut adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam penyiasatan kewangan, agar keupayaan serantau dalam penyiasatan, pengumpulan maklumat risikan, pengawasan, pengesanan dan pemantauan aktiviti pengubahan wang haram dan kegiatan jenayah lain dapat dipertingkatkan. Bengkel tersebut disertai oleh para pegawai daripada agensi penguatkuasa undang-undang dan FIU dari negara ASEAN+3.

Inisiatif latihan pada masa depan akan terus memberi penekanan pada usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai penguatkuasa undang-undang dalam menyiasat aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan akitiviti keganasan. Dalam pada itu, kerjasama dengan

agensi luar negara termasuk penyertaan dalam program latihan yang sesuai yang dianjurkan penyedia latihan luar negara akan memudahkan komuniti penguatkuasa berkongsi pengalaman dan kepakaran.

Program Kesedaran AML/CFT

I. Lawatan Sambil Belajar oleh Pihak Asing

Bank Negara Malaysia terus membantu rakan agensi asing dengan berkongsi pengalaman dalam program AML/CFT. Pada tahun 2006, FIU menerima lawatan sambil belajar daripada Bank Indonesia, Da Afghanistan Bank dan FIU dari Sri Lanka.

II. Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan

Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan *(Non-Profit Organisation, NPO)* mendapat perhatian oleh komuniti AML/CFT antarabangsa memandangkan kemungkinan ia diperalat bagi membiayai aktiviti keganasan. APG memohon ahlinya mengkaji sektor NPO dalam negeri bagi mengetahui sama ada peruntukan undang-undang dan keperluan pengawalseliaan mencukupi untuk mencegah atau mengesan aktiviti sedemikian. Sehubungan dengan itu, Bank Negara Malaysia, Pendaftar Pertubuhan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bersama-sama menjalankan satu kajian tentang sektor NPO. Kajian itu mendapati keperluan pengawalseliaan sedia ada dalam sektor ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Pendaftar Pertubuhan telah memulakan program kesedaran di seluruh negara bermula pada bulan Oktober 2006 untuk memberi penerangan kepada NPO mengenai regim AML/CFT Malaysia dan kemungkinan NPO disalah guna oleh pembiaya pengganas dan penjenayah lain.

Cabaran Masa Depan

Bank Negara Malaysia dengan kerjasama ahli NCC yang lain akan terus berwaspada dan sedia bertindak terhadap ancaman AML/CFT yang baru, dan terhadap piawaian dan trend AML/CFT. Cabaran utama bagi pihak pengawalselia dari segi tumpuan pengawalseliaan, ialah mengimbangkan secara wajar antara risiko keseluruhan berkaitan sistem kewangan dengan risiko yang berkaitan AML/CFT. Oleh kerana tiada model yang sudah diterima di peringkat global yang boleh digunakan untuk menilai risiko pengubahan wang haram atau pembiayaan aktiviti keganasan dalam sesebuah sistem kewangan, kajian tentang ancaman AML/CFT yang dilaksanakan oleh badan antarabangsa seperti FATF, APG atau Bank Dunia akan terus digunakan untuk menggubal amalan terbaik di Malaysia.

Rancangan meluaskan jaringan pengawalseliaan AMLA kepada institusi kewangan dan perniagaan bukan kewangan tertentu dalam kategori lain, seperti agen harta tanah, pengeluar wang elektronik, peniaga logam dan batu bernilai, dan syarikat pemajakan dan pemfaktoran memerlukan NCC menggubal langkah pengawalseliaan yang sesuai dan praktikal, dan menyediakan perlindungan yang secukupnya daripada penyalahgunaan oleh para penjenayah. Ini bermakna sistem penzahiran yang ada perlu disokong oleh mekanisme pelaporan STR yang mantap, disokong pula oleh hubungan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan, khususnya ahli NCC. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan terus memberi perhatian kepada pembentukan keperluan perundangan dan pengawalseliaan yang memenuhi piawaian antarabangsa, di samping memperhebatkan usaha untuk mempertingkatkan kerjasama dalam kalangan agensi dalam negeri.

Transformasi Sektor Kewangan

Sistem dan landskap kewangan Malaysia telah melalui transformasi yang pesat sejak sedekad yang lalu. Termasuk dalam perubahan ini ialah reformasi kewangan dan pengawalseliaan serta pembangunan infrastruktur kewangan, yang memberi landasan kepada sektor kewangan yang lebih teguh, berpelbagai dan cekap pada hari ini. Sebahagian besar transformasi sektor kewangan Malaysia berpunca daripada kemajuan yang nyata dalam pasaran bon dan kewangan Islam. Di samping itu, liberalisasi dan penyahkawalseliaan yang progresif, konsolidasi industri, dan kemajuan teknologi telah menghasilkan saluran penyampaian baru, kepelbagaian dan jenis produk dan perkhidmatan serta kemunculan peserta bukan tradisional yang baru dalam sektor kewangan domestik. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang dinamik ini, usaha memelihara kestabilan kewangan menjadi lebih kompleks dan mencabar.

Sebahagian besar transformasi sektor kewangan Malaysia berpunca daripada kemajuan yang nyata dalam pasaran bon, kewangan Islam, liberalisasi dan penyahkawalseliaan secara progresif, konsolidasi industri dan kemajuan teknologi.

Dalam menghadapi cabaran ini, teras dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 terus tertumpu pada pemeliharaan kestabilan dengan menyokong dan mengukuhkan transformasi keinstitusian, menggalakkan infrastruktur kewangan yang cekap dan berkesan, memudahkan pembangunan pasaran kewangan dan menggalakkan persekitaran pengawalan dan penyeliaan yang seimbang dan berkesan, yang memperkasa pembangunan sistem kewangan yang progresif, dinamik dan berdaya tahan. Tumpuan juga diberikan pada usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan *(financial inclusion)* bagi memastikan akses yang lebih meluas kepada pilihan perkhidmatan kewangan oleh semua lapisan masyarakat.

TRANSFORMASI KEINSTITUSIAN

Dalam landskap kewangan yang sentiasa berubah, tahun 2006 menyaksikan kemajuan selanjutnya ke arah rasionalisasi institusi kewangan domestik berikutan penyempurnaan beberapa penggabungan dan konsolidasi antara pengantara pasaran dalam sektor perbankan, insurans dan pasaran modal, serta permulaan perniagaan oleh pemegang lesen baru dalam sektor perbankan Islam dan takaful.

Rangka kerja bank pelaburan khususnya, telah mencatat pencapaian penting pada tahun tersebut dengan hampir kesemua entiti yang terbabit menyempurnakan proses transformasi berkenaan. Rangka kerja itu, yang membolehkan pembentukan bank pelaburan sepenuhnya melalui proses konsolidasi dan rasionalisasi antara beberapa entiti (sembilan bank saudagar, sembilan syarikat broker saham, lima syarikat diskaun dan tiga broker universal), menyaksikan kesemua entiti yang layak memperoleh kelulusan yang perlu untuk menjadi 12 bank pelaburan. Sembilan kumpulan kewangan yang terdiri daripada bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun telah menyelesaikan transformasi menurut undang-undang dan memulakan operasi sebagai bank pelaburan pada suku pertama tahun 2007. Tiga broker universal telah diperbadankan menjadi bank pelaburan manakala dua lagi broker universal masih dalam proses memenuhi prasyarat yang ditetapkan. Sebuah syarikat diskaun telah diberi lesen bank saudagar dan akan menyempurnakan transformasinya kepada bank pelaburan dalam masa enam bulan. Dengan penubuhan bank pelaburan, syarikat diskaun tidak lagi wujud dalam landskap kewangan.

Kemunculan bank pelaburan dalam landskap kewangan telah meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik untuk

mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan dalam negeri dan dalam rantau ini dan meluaskan kepelbagaian aktiviti khidmat nasihat dan kewangan, serta seterusnya mengukuhkan lebihan daya saing masing-masing. Perkembangan ini juga telah meningkatkan lagi potensi bank pelaburan untuk menyumbang ke arah transformasi ekonomi dan memainkan peranan penting dalam pembangunan pasaran kewangan yang memberangsangkan lagi dinamik.

Sektor perbankan dan insurans terus mengalami konsolidasi dan rasionalisasi pada tahun 2006. Ekoran penyempurnaan penggabungan antara dua kumpulan bank domestik, bilangan kumpulan perbankan domestik telah berkurang kepada sembilan. Sektor insurans juga menyaksikan penggabungan dua penanggung insurans am didorong oleh aktiviti pengambilalihan pada peringkat pemegang saham. Bagi mengekalkan daya saing, peserta dalam sektor kewangan menumpukan perhatian pada usaha mengukuhkan daya tahan mereka, membangunkan keupayaan dalaman, memanfaatkan sinergi kumpulan antara entiti yang berlainan, dan memperluas ekonomi ikut bidangan. Semua ini menghasilkan sektor kewangan yang memberangsangkan, lantas mendorong peningkatan inovasi produk, persaingan, penambahbaikan tahap perkhidmatan pengguna dan akhirnya, mutu produk yang lebih baik.

Dalam bidang kewangan Islam, liberalisasi industri kewangan Islam telah dipercepat dengan pengeluaran tiga lesen baru bank Islam kepada institusi kewangan Islam asing dari Kuwait, Arab Saudi dan Qatar. Langkah ini dapat dilaksanakan ekoran kemajuan yang telah dicapai dalam pembangunan sektor perbankan Islam, dan strategi yang diambil bagi meningkatkan rantaian global. Satu lagi langkah strategik penting yang diambil sejak tahun 2004 ialah langkah yang diambil oleh beberapa kumpulan perbankan konvensional yang menyertai skim perbankan Islam untuk mentransformasikan struktur "jendela Islam" yang sedia ada kepada "subsidiari Islam". Sehingga kini, sebanyak tujuh jendela perbankan Islam telah dijadikan subsidiari. Kini terdapat 11 bank Islam yang terdiri daripada enam subsidiari perbankan Islam, dua bank Islam domestik dan tiga bank Islam asing yang baru.

Bagi mempertingkatkan integrasi global dalam industri takaful, empat lesen takaful baru yang merangkumi usaha sama antara pengendali takaful domestik dengan asing telah dikeluarkan. Lesen baru juga diberikan kepada broker takaful dan ajuster. Langkah ini sejajar dengan matlamat mewujudkan sistem kewangan Islam yang cekap, progresif dan menyeluruh yang dapat membangunkan industri takaful sebagai satu komponen penting dalam sistem kewangan Malaysia. Pada akhir tahun 2006, terdapat lapan pengendali takaful termasuk tiga pengendali takaful baru. Sebuah lagi pengendali takaful baru akan memulakan operasi pada tahun 2007. Dalam bidang takaful semula, Bank Negara Malaysia telah memberi kelulusan untuk penubuhan dua syarikat takaful semula di Malaysia di bawah Akta Takaful 1984 pada tahun 2006.

Kemasukan peserta baru dalam industri kewangan Islam dijangka memesatkan pembangunan industri seterusnya meningkatkan kecekapan perniagaan, pembangunan produk dan kualiti perkhidmatan, yang akan meningkatkan industri perbankan Islam dan takaful domestik ke tahap baru yang lebih dinamik.

Kemasukan peserta-peserta baru dalam industri kewangan Islam dijangka menyumbang ke arah pembangunan industri yang pesat. Persaingan yang sihat dalam pasaran pula dijangka memberi manfaat besar kepada pengguna dari segi peningkatan kecekapan perniagaan, pembangunan produk dan kualiti perkhidmatan yang akan meningkatkan industri perbankan Islam dan takaful domestik ke tahap baru yang lebih dinamik. Peserta baru yang

Jadual 3.1
Sektor Kewangan: Bilangan Peserta

Institusi Kewangan	1998	2005	2006
Bank Perdagangan	35	23	22
Syarikat Kewangan	31	4	0
Bank Pelaburan/Bank Saudagar	12	10	14[1]
Syarikat Diskaun	7	7	0
Bank-bank Islam	1	6	11[2]
Penanggung Insurans	58	42	42
Penanggung Insurans Semula	10	7	6[3]
Pengendali Takaful	2	5[4]	8
Institusi Kewangan Pembangunan	14	13[5]	13[5]

[1] Termasuk sebuah bank saudagar yang sedang dalam proses tranformasi kepada bank pelaburan dan tiga broker universal yang telah menyempurnakan tranformasi kepada bank pelaburan pada bulan Januari 2007
[2] Termasuk sebuah bank Islam asing yang memulakan operasi pada bulan Januari 2007
[3] Satu lesen penanggung insurans semula asing telah diserahkan semula berikutan pelaksanaan rasionalisasi kumpulan oleh syarikat induknya di luar negara
[4] Termasuk sebuah pengendali takaful yang memulakan operasi pada bulan Januari 2006
[5] Antaranya enam institusi kewangan pembangunan dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP)

mempunyai keupayaan, modus operasi dan kekuatan tersendiri bukan sahaja akan menambah kedalaman dan kepelbagaian dalam industri perbankan Islam dan takaful domestik yang kian berkembang, bahkan akan berupaya menerokai pasaran baru di rantau ini dan di Timur Tengah. Dengan bertambahnya kepelbagaian peserta, pembangunan sektor perbankan Islam dan takaful dijangka terus memperoleh momentum dengan penglibatan dalam bidang baru seperti pasaran modal hutang, perbankan persendirian dan pengurusan dana dan kekayaan menjadi semakin nyata.

Dengan sistem kewangan Malaysia yang semakin matang, institusi berlesen kini boleh memulakan rundingan membabitkan penggabungan dan pengambilalihan dengan pelbagai pihak secara serentak. Pihak-pihak yang berminat diberi fleksibiliti memulakan perbincangan untuk membeli atau menjual kepentingan saham institusi di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KEWANGAN

Pembangunan infrastruktur kewangan adalah sangat penting dalam menyokong kegiatan ekonomi yang aktif dan menyediakan asas yang kukuh kepada pertumbuhan masa depan.

Pada tahun-tahun awal selepas krisis kewangan Asia, fokus pembangunan infrastruktur kewangan sebahagian besar tertumpu pada pengukuhan infrastruktur sokongan untuk pengurusan risiko kredit dan peningkatan kualiti penilaian kredit. Ini dapat dilihat dengan pengenalan sistem sokongan termasuk Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat *(Central Credit Reference Information System, CCRIS)* dan keperluan akreditasi untuk pegawai kredit. Dengan pembangunan sektor kewangan beroleh momentum, tumpuan beralih kepada usaha memperdalamkan dan mempelbagaikan pasaran kewangan dan pada masa yang sama, menggalakkan pendidikan pengguna dan menambah baik rangka kerja perlindungan pengguna. Langkah-langkah untuk mengukuhkan pembangunan pasaran bon domestik pada tahun 2006 termasuk:

- Penambahbaikan **Sistem Terbitan/ Penawaran Automatik Sepenuhnya *(Fully Automated System for Issuing/Tendering, FAST)*** melalui aplikasi **berasaskan web** untuk meningkatkan keberkesanan dan liputan penyebaran maklumat dan ketelusan aktiviti pasaran utama. FAST, yang dikendalikan Bank Negara Malaysia, merupakan sistem berpusat bagi memudahkan terbitan dan jualan sekuriti hutang Kerajaan dan korporat dan membolehkan Bank Negara Malaysia menjalankan pengurusan mudah tunai melalui perjanjian belian balik (repo) atau jualan pasaran wang.
- Terbitan **Surat Perdagangan *(Commercial Paper, CP)* dan Nota Jangka Sederhana *(Medium Term Note, MTN)* tanpa skrip** sejak 15 Mei 2006 di bawah sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata *(Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS)*. Penyahbahanan *(dematerialising)* CP dan MTN membolehkan pindahan sekuriti melalui catatan buku dan dana di bawah prinsip

serahan semasa pembayaran dilakukan secara serentak, seterusnya menghapuskan risiko penyelesaian dan sekuriti yang tidak diserahkan.

- **Penambahbaikan arkitektur Program Penjaga Sekuriti Institusi *(Institutional Securities Custodian Program, ISCAP)*** yang pada asalnya dilancarkan pada bulan Januari 2005 untuk meningkatkan mudah tunai pasaran sekunder. ISCAP membolehkan Bank Negara Malaysia meminjam sekuriti dan menggunakan sekuriti tersebut sebagai sebahagian daripada operasinya melalui repo dan pinjaman sekuriti untuk melepaskan sekuriti berkenaan daripada pemegang sekuriti kaptif yang terdiri daripada pelabur institusi dan institusi kewangan.
- Terbitan **Nota Panduan berkenaan Urus Niaga Perjanjian Belian Balik** pada bulan Julai 2006 bagi menjajarkan peraturan Malaysia dengan amalan terbaik antarabangsa. Urus niaga repo kini tertakluk kepada Perjanjian Pembelian Balik Induk Global *(Global Master Repurchase Agreement)* yang memperuntukkan, antara lain, pindahan hak milik mutlak, urus niaga penandaan kepada pasaran, penggunaan *haircut* dan penyenggaraan margin dan kejadian kemungkiran. Perjanjian wajib ini dan peruntukan lain dalam Nota Panduan menyumbang ke arah mengekalkan operasi pasaran repo yang mantap dan teratur dengan meningkatkan perlindungan menurut undang-undang dan menanam keyakinan yang lebih jitu antara pihak yang berurus niaga.
- Perjanjian Induk Derivatif Islam *(Islamic Derivative Master Agreement, ISDM)* yang pertama di dunia oleh Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia, dengan urus niaga pertama menggunakan perjanjian itu ditandatangani pada bulan Disember 2006. ISDM dibentuk berdasarkan model perjanjian International Swap and Derivatives Association (ISDA) dan akan disahkan oleh ISDA pada tahun 2007. Perjanjian yang berasaskan ikatan undang-undang itu mendalamkan lagi pasaran derivatif Islam dengan menyediakan saluran kepada pelabur Islam untuk meningkatkan pengurusan risiko dan lebih telus dalam urus niaga pasaran.
- Penerbitan buku panduan **"Panduan kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia *(Malaysian Government Securities, MGS)*"** adalah sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pelaburan asing dalam MGS. Buku panduan ini memberi maklumat penting tentang ciri-ciri MGS dan ciri-ciri pasaran bon tempatan. Maklumat ini juga boleh didapati di laman web Bond Info Hub (di http://bondinfo.bnm.gov.my).
- Pengenalan **jualan penukaran MGS** bertujuan meningkatkan dagangan MGS tanda aras cair dalam pasaran pada bulan Januari 2007. Peningkatan dalam jumlah sekuriti tanda aras ini akan meningkatkan dagangan dalam pasaran sekunder, seterusnya menambah tahap kecairan keseluruhan dalam pasaran bon Malaysia dan memberi fleksibiliti tambahan bagi mengekalkan kekerapan terbitan tetap MGS.

Langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun 2006 bagi menjaga kepentingan pengguna termasuk:

- Permulaan urusan **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)** pada 17 April 2006, yang menyediakan saluran kepada pengguna untuk mendapatkan nasihat tentang perkara yang berkaitan dengan kredit, pengurusan kewangan dan pendidikan, serta penstrukturan semula hutang.
- Penerbitan **buku kecil pelbagai bahasa** yang baru di bawah program **InfoPerbankan dan InfoInsurans**.

PEMBANGUNAN PASARAN KEWANGAN

Pasaran kewangan Malaysia memainkan peranan penting dalam membiayai pertumbuhan ekonomi negara. Sebelum ini, sektor perbankan merupakan punca pembiayaan yang utama bagi ekonomi negara. Tumpuan risiko dalam sektor perbankan adalah ketara semasa krisis kewangan Asia, yang menyebabkan tumpuan beralih kepada usaha untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan dalam pasaran modal. Langkah ini telah meningkatkan jumlah sekuriti hutang swasta *(private debt securities, PDS)* terkumpul sebagai peratusan daripada jumlah pembiayaan (PDS terkumpul + pinjaman terkumpul daripada

institusi perbankan) daripada 10.1% pada tahun 1998 kepada 23.9% pada tahun 2006. Dengan peranan PDS yang bertambah penting dalam membiayai ekonomi, pembangunan pasaran yang berterusan adalah amat penting bagi menampung pertumbuhan ekonomi yang mampan. Tahun 2006 menyaksikan pembangunan pasaran kewangan yang lebih pesat melalui langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan persekitaran yang diperlukan bagi pengenalan produk baru dan kemasukan peserta-peserta baru.

Satu tranche **MGS boleh panggil *(callable MGS)*** diterbitkan pada 15 Disember 2006 yang membolehkan Kerajaan menguruskan aliran tunainya dengan lebih baik. Selain meningkatkan kepelbagaian produk, pengenalan produk baru ini dijangka dapat memajukan lagi pasaran bon Malaysia, terutamanya pasaran utama bagi bon korporat, disebabkan MGS boleh panggil dapat digunakan sebagai tanda aras bagi penerbit sektor swasta untuk menentukan harga sekuriti hutang swasta boleh panggil mereka sendiri.

Nota Monetari Bank Negara Malaysia *(Bank Negara Malaysia Monetary Notes, BNMN)* juga diperkenalkan pada bulan Disember 2006 bagi menggantikan Bil Bank Negara dan Nota Boleh Niaga Bank Negara yang sedia ada bagi mengurus mudah tunai dalam pasaran kewangan konvensional dan Islam. Matlamat utama BNMN adalah untuk menggalakkan kecekapan sistem kewangan dalam menyerap mudah tunai yang berlebihan dan dengan itu, mengurangkan impak yang tidak diingini dalam pasaran kewangan domestik. Tempoh matang maksimum bagi terbitan-terbitan ini juga dipanjangkan daripada satu tahun kepada tiga tahun. Walau bagaimanapun, ini bukan bertujuan memberi sebarang isyarat tentang paras sasaran kadar faedah jangka panjang.

Pempelbagaian produk dalam sektor kewangan telah dipertingkatkan dengan **kajian semula Garis Panduan Instrumen Deposit Boleh Niaga *(Negotiable Instrument of Deposit, NID)***. Berkuat kuasa 15 Jun 2006, liberalisasi penentuan harga dilaksanakan apabila kadar NID terapung dibenar untuk dinilaikan berdasarkan indeks selain Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur *(Kuala Lumpur Interbank Offer Rate, KLIBOR)*. Garis panduan itu juga membenarkan terbitan NID dalam mata wang asing, lalu menyediakan sumber dana mata wang asing tambahan. Dengan itu, profil pendeposit mata wang asing menjadi lebih mendalam. NID dalam mata wang asing juga memberi pelaburan alternatif kepada pelabur-pelabur domestik pasaran dalam negeri.

Dengan peranan pasaran kewangan yang bertambah dalam membiayai ekonomi negara, pembangunan pasaran yang berterusan dalam pempelbagaian produk, mudah tunai dan inovasi adalah amat penting bagi menampung pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pada 16 Februari 2006, Bank Negara Malaysia memperkenalkan **Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia** berasaskan konsep *ijarah* atau "jual dan pajak balik". Terbitan sukuk ini tepat pada masanya bagi memenuhi permintaan peserta pasaran antarabangsa terhadap instrumen kewangan Islam yang sesuai dengan prinsip yang didokong oleh cendekiawan Syariah Timur Tengah. Instrumen tambahan ini yang digunakan untuk mengurus mudah tunai dalam Pasaran Wang Islam akan diterbitkan secara berkala. Ia juga akan bertindak sebagai penanda aras baru untuk bon Islam jangka pendek dan pertengahan lain, dan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk memenuhi keperluan pempelbagaian dalam pasaran global.

Kemasukan peserta baru dalam industri pasaran kewangan Islam menyumbang ke arah pembangunan pelbagai jenis produk perbankan Islam yang baru. Beberapa produk pembiayaan baru diperkenalkan dalam industri perbankan Islam dengan menggunakan kontrak Syariah *mudharabah, musyarakah* dan *ijarah* selain produk tradisional *bai' bithaman ajil* (jualan pembayaran

tertangguh). Ini termasuk pembiayaan perumahan secara Islam yang menggunakan konsep *musyarakah mutanaqisah* (perkongsian semakin berkurang), pembiayaan kenderaan secara Islam menggunakan konsep *ijarah* (pajakan), dan pembiayaan tunai secara Islam menggunakan kontrak *tawarruq*. Dalam sektor takaful, terdapat 30 produk keluarga takaful yang diluluskan Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 dengan 73.3% daripadanya ialah produk berkaitan pelaburan dan produk gadai janji. Sebanyak 56.7% daripada produk baru pula adalah daripada pengendali takaful baru. Peningkatan kepelbagaian produk merupakan petanda baik bagi pertumbuhan sektor kewangan Islam.

Bagi menggalakkan kecekapan dan menyediakan alternatif dalam operasi mereka selanjutnya, institusi kewangan pembangunan (IKP) dibenarkan menyertai pasaran antara bank. **Garis Panduan Penyertaan IKP dalam Pasaran Antara Bank** dikeluarkan pada Disember 2006 yang menghuraikan butir prasyarat penyertaan dalam pasaran termasuk keperluan pematuhan pengurusan risiko dan mudah tunai. Penyertaan IKP dalam pasaran antara bank akan membolehkan mereka menempatkan dana secara langsung dalam pasaran untuk memperoleh harga yang lebih baik di samping mendapat akses kepada kadar broker wang yang kompetitif, secara langsung. IKP juga dibenarkan menerbit dan mengurus niaga NID dan Instrumen Islam Boleh Niaga *(Islamic Negotiable Instrument, INI)*. Kedua-dua instrumen ini berupaya meningkatkan mudah tunai dan kepelbagaian sumber pendanaan IKP.

INISIATIF PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

Pendekatan pengawalan dan penyeliaan berhemat Bank Negara Malaysia juga melalui perkembangan ekoran perubahan terhadap landskap dan kematangan sektor kewangan. Usaha terus diambil bagi memastikan rangka kerja pengawalseliaan terus relevan dan boleh disesuaikan mengikut perubahan dalam persekitaran yang akan menggalakkan institusi berinovasi dan menggunakan kemajuan teknologi bagi meningkatkan daya saing.

Lanjutan daripada itu, rangka kerja berhemat dikaji semula untuk beralih secara beransur daripada peraturan-peraturan preskriptif dan pendekatan "satu saiz sesuai untuk semua" *(one-size-fits-all)* kepada rejim berasaskan prinsip yang mudah disesuaikan dan kondusif mengikut perubahan keadaan pasaran dan inovasi. Pada masa yang sama, ia membolehkan institusi perbankan mengambil langkah awalan terhadap bidang risiko baru bagi memperkukuh keselamatan dan keteguhan sektor kewangan. Penekanan yang tinggi dan tanggungjawab yang lebih besar diletakkan atas bahu institusi kewangan untuk mengurus risiko secara wajar, sejajar dengan strategi perniagaan mereka dan rangka kerja berhemat yang menyeluruh.

Produk dan perkhidmatan yang pelbagai dan kompleks, dan tahap keupayaan pengurusan risiko yang berlainan boleh menyebabkan perbezaan ketara dalam profil risiko sesebuah institusi kewangan dengan institusi kewangan yang lain. Oleh itu, tahap pengawasan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia terhadap institusi-institusi adalah juga berlainan. Bagi memastikan pengawalan dan penyeliaan berkesan dan cekap, Bank Negara Malaysia menerima pakai pendekatan berasaskan risiko. Dengan pendekatan ini, sumber penyeliaan akan mengutamakan bidang yang menimbulkan risiko paling ketara kepada kestabilan dan keteguhan sistem kewangan dan setiap institusi kewangan. Dengan kematangan pasaran dan keupayaan peserta semakin meningkat, pendekatan penyeliaan ini terus diperkukuh dengan pengawalan dan penyeliaan berbeza yang memberi lebih fleksibiliti kepada institusi yang mempunyai amalan pengurusan risiko dan tadbir urus korporat yang mantap. Inisiatif juga tertumpu pada usaha yang dapat menerap disiplin pasaran secara berkesan bagi memperkukuh pengawalan dan penyeliaan berhemat.

Memperkukuh Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Korporat

Pelaksanaan Basel II, Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko dan Penambahbaikan kepada Standard Kecukupan Modal

Bagi sektor perbankan, usaha berterusan diambil untuk mempersiap institusi perbankan

menghadapi kemunculan Basel II, yang bertujuan menggalakkan amalan pengurusan risiko yang lebih baik, membina keupayaan dan meningkatkan daya saing institusi perbankan dengan memberi lebih fleksibiliti operasi berserta perlindungan berhemat yang sewajarnya. Pelaksanaan Basel II dijangka menghasilkan pengurusan modal yang lebih cekap oleh institusi perbankan melalui mekanisme yang lebih sensitif kepada risiko dalam pengiraan kecukupan modal, dan yang juga memberi pengiktirafan sewajarnya kepada teknik menangani risiko dalam sesebuah institusi perbankan. Penggunaan rangka kerja Berdasarkan Penarafan Dalaman *(Internal Ratings Based)* di bawah Basel II pada masa depan juga akan membenarkan pendekatan alternatif untuk menentukan kecukupan modal berasaskan model dalaman yang dihasilkan oleh institusi perbankan dengan mengambil kira profil risiko dan pengalaman perniagaan masing-masing.

Pada tahun 2006, cadangan semakan kepada komponen risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal dikeluarkan kepada pihak industri untuk pertimbangan. Cadangan semakan ini dibuat memandangkan aktiviti kewangan institusi perbankan semakin kompleks dan juga bagi mengambil kira perkembangan dalam amalan terbaik pengurusan risiko berikutan penerimapakaian Basel II di peringkat antarabangsa. Cadangan ini juga termasuk pengolahan terhadap risiko kadar faedah dalam buku perbankan yang akan dilaksanakan seiring dengan Basel II. Persediaan ke arah pelaksanaan Basel II mengikut jadual dan akan bermula dari 1 Januari 2008 bagi Pendekatan "Standardised" *(Standardised Approach)* untuk risiko kredit, dan Pendekatan Penunjuk Asas, Pendekatan "Standardised' dan Pendekatan Alternatif "Standardised" *(Basic Indicator, Standardised and Alternative Standardised Approach)* untuk risiko operasi. Pendekatan-pendekatan ini akan berjalan selari dengan pendekatan yang diamalkan sekarang, dan akan bermula pada separuh pertama tahun 2007.

Begitu juga di sektor insurans, rangka kerja modal berasaskan risiko *(risk-based capital, RBC)* telahpun dimuktamadkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2007 secara selari dengan keperluan margin kesolvenan yang ada sekarang, selama dua tahun. Pelaksanaan secara selari selama dua tahun ini membolehkan peralihan kepada rangka kerja baru yang lebih teratur. Penanggung insurans yang telah memenuhi kehendak penyeliaan dari segi keupayaan pengurusan kewangan dan risiko dibenarkan menerima pakai rangka kerja baru bermula tahun 2008. Rangka kerja RBC akan menjajarkan keperluan kesolvenan yang digunakan bagi penanggung insurans, dengan profil dan pendedahan risiko masing-masing. Rangka keperluan modal RBC akan juga mempermudah campur tangan penyeliaan dengan lebih berkesan dengan adanya isyarat amaran awal yang menandakan kemerosotan dalam tahap kecukupan modal. Selain itu, keperluan disemak bagi penilaian aset dan liabiliti insurans akan memberikan penampan berhemat kuantitatif yang lebih jelas (sekarang ini terselindung dalam asas penilaian konservatif) selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa untuk menggalakkan ketelusan dalam kedudukan kewangan sesebuah entiti.

Selaras dengan hasrat Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan Standard Kecukupan Modal *(capital adequacy standard, CAS)* yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam *(Islamic Financial Services Board, IFSB)* pada tahun 2008, usaha penting juga diambil oleh bank-bank Islam pada tahun 2006 sebagai persediaan untuk melaksanakan rangka kerja modal baru ini. Analisis jurang telah dibuat sebagai sebahagian daripada penilaian awal untuk mengenal pasti tahap kesediaan bank-bank Islam untuk memenuhi keperluan yang digariskan di bawah CAS. Peningkatan dalam pengurusan sistem teknologi maklumat dan data dikenal pasti sebagai keupayaan operasi yang penting yang perlu diperkukuh. Bagi subsidiari perbankan Islam, strategi pelaksanaan akan diselaraskan dengan inisiatif yang diambil oleh bank induk mereka dalam

melaksanakan Basel II. Usaha juga telah dimulakan untuk merumuskan panduan penyeliaan bagi pelaksanaan CAS dengan kerjasama pihak industri. Panduan penyeliaan ini dijangka dimuktamadkan menjelang suku ketiga 2007. Bank Negara Malaysia akan terus memantau kemajuan pelan tindakan dan keupayaan pengurusan risiko bank-bank Islam sepanjang pelaksanaan rangka kerja modal baru tersebut.

Dalam menguruskan risiko, institusi kewangan pembangunan (IKP) terus memperkukuh infrastruktur pengurusan risiko masing-masing, termasuk sumber manusia, sistem dan proses. Usaha telah diambil untuk mempertingkatkan keupayaan sumber manusia melalui latihan berterusan dan berstruktur, khasnya dalam proses kredit di samping pembangunan produk dan inovasi untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan setiap sektor sasaran. Selain itu, Bank Negara Malaysia mengenakan standard pengawalseliaan terhadap IKP untuk menerima pakai amalan tadbir urus korporat yang baik bagi memastikan IKP berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menjalankan tanggungjawab yang dimandatkan dengan lebih cekap dan berkesan. Langkah ini disokong oleh peningkatan berterusan sistem pengurusan risiko dan proses dalaman untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko yang mungkin wujud dalam proses mengendalikan aktiviti yang dimandatkan kepada IKP.

Persepaduan dengan Perkembangan dalam Standard Pelaporan Kewangan

Memandangkan laporan kewangan adalah elemen penting yang mencerminkan prestasi institusi kewangan, standard pelaporan perlu memenuhi dan mencerminkan keadaan sebenar institusi kewangan. Bank Negara Malaysia kini sedang menjalankan kajian semula keperluan pelaporan kewangan pengawalseliaan dan standard penilaian bagi sektor perbankan dan insurans. Langkah ini bertujuan menggalakkan keseragaman dengan Piawai Pelaporan Kewangan *(Financial Reporting System, FRS)* dan persepaduan dengan amalan terbaik antarabangsa. Antara bidang yang sedang dikaji semula ialah:

- asas bagi peruntukan pinjaman dan klasifikasi pinjaman tak berbayar institiusi perbankan untuk mempertimbangkan parameter bagi ujian kelemahan pinjaman di bawah FRS 139: Pengiktirafan dan Pengukuran Instrumen Kewangan;
- keperluan untuk menilai harta tanah pelaburan yang dipegang penanggung insurans hayat pada nilai saksama (dahulunya, berdasarkan kos atau penilaian semula).

Bagi memastikan integriti nilai saksama yang dilaporkan dalam penyata kewangan, tanggapan penyeliaan berhubung dengan dasar dan proses penilaian yang perlu dipraktik dalam institusi kewangan akan dikeluarkan bagi menyokong pelaksanaan FRS. Susulan ini, saringan berhemat melalui pelarasan modal dan pelindung berhemat lain juga perlu dilaksanakan apabila bersesuaian. Ini bagi memastikan modal pengawalseliaan mencerminkan kekukuhan kewangan institusi berkenaan dan bertindak sebagai penampan yang berkesan bagi aktiviti pengambilan risiko. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dengan rapi persediaan institusi kewangan untuk mencapai tahap kesediaan untuk menerima pakai FRS 139, dan Lembaga Pengarah setiap institusi kewangan telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pengawasan sewajarnya terhadap persediaan serta untuk menangani sebarang implikasi besar yang timbul ekoran pelaksanaan FRS.

Langkah-langkah Lain

Pada tahun 2006, langkah-langkah selanjutnya yang diambil untuk meningkatkan dan memperkukuh keupayaan pengurusan risiko institusi kewangan adalah seperti yang berikut:

- penekanan terhadap kepentingan **ujian ketahanan** sebagai alat pengurusan risiko yang penting, seterusnya membolehkan institusi kewangan lebih memahami profil risiko mereka dan mengambil langkah-langkah awalan yang sesuai;
- keperluan yang lebih kukuh berhubung dengan **aktuari dilantik** bagi penanggung insurans hayat;
- keperluan untuk **mendapatkan penarafan**

penerbit institusi daripada agensi penarafan tempatan bagi membolehkan instrumen kewangan Islam diiktiraf sebagai aset boleh cair yang layak; dan
- peningkatan **fungsi audit dalam** IKP bagi menggalakkan pengendalian berhemat dan prosedur operasi yang lebih kukuh.

Kefleksibelan Pelaburan

Dengan adanya rangka kerja kehematan yang lebih kukuh, keupayaan pengurusan risiko yang meningkat dan tadbir urus yang kukuh dalam institusi kewangan, lebih banyak kefleksibelan operasi dan pelaburan diberikan kepada institusi kewangan, ketika Malaysia menuju ke arah persekitaran yang lebih dinyahkawal selia. Teras dasar lebih tertumpu pada kefleksibelan pengurusan portfolio pelaburan oleh institusi kewangan sambil memastikan perlindungan secukupnya untuk memelihara kestabilan kewangan.

Kefleksibelan yang diberi termasuk:
- kelonggaran **pengolahan modal** bagi pelaburan dalam **instrumen modal Kumpulan-1 bukan inovatif** institusi kewangan lain;
- pelonggaran had **pelaburan dalam sekuriti hutang** bagi dana insurans hayat dan dana takaful keluarga serta **aset asing**; dan
- kefleksibelan yang lebih tinggi kepada institusi perbankan bagi mengurus **aktiviti dan pelaburan berkaitan ekuiti**.

Kefleksibelan Produk

Kefleksibelan pelaburan yang diperkenalkan di bawah pelbagai inisiatif telah dilengkapi oleh pelonggaran selanjutnya kepada institusi kewangan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan baru. Falsafah pengawalseliaan berkembang ke arah memudahkan pewujudan persekitaran yang kondusif untuk inovasi, dan memupuk persaingan yang adil dan cekap ke arah pembangunan sektor perbankan yang lebih pelbagai, cekap dan yang tertumpu pada pelanggan *(customer-centric)*.

Inisiatif yang diambil untuk memberikan lebih kefleksibelan produk termasuk:
- mempercepat **masa ke pasaran** *(faster time to-market)* bagi produk pelaburan berkaitan derivatif *(investment-linked to derivative, ILD)* baru dan **mengembangkan jenis dan jumlah produk ILD** yang boleh ditawarkan oleh institusi perbankan;
- membenarkan institusi tempatan berlesen melaksanakan **urus niaga belian semula dengan bukan pemastautin** dengan syarat jumlah kemudahan kredit bukan pemastautin termasuk urus niaga belian semula tidak melebihi RM10 juta; dan
- kefleksibelan bagi institusi perbankan untuk menjual pinjaman tidak berbayar (NPL) dan pembiayaan tidak berbayar (NPF) kepada pihak luar. Tender terbesar pertama aset mundur *(distressed assets)* oleh sebuah bank domestik yang besar kepada pelabur asing dilaksanakan pada tahun 2006 dan dijangka disempurnakan pada tahun 2007. Ini merupakan petanda yang baik kepada pembangunan pasaran sekunder bagi aset mundur di Malaysia, dengan lebih banyak institusi perbankan mengambil kesempatan ini untuk memperkukuh kedudukan kewangan mereka.

Rangka Kerja Penyeliaan

Pendekatan Bank Negara Malaysia terhadap penyeliaan institusi kewangan tertumpu pada pengenalpastian awal kewujudan risiko dan isu-isu menyeluruh berkaitan dengan sistem di samping pemantauan yang rapi terhadap keadaan kewangan dan kekukuhan operasi institusi kewangan. Peningkatan berterusan dibuat terhadap rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko untuk menyediakan pendekatan yang berstruktur dan berpandangan jauh bertujuan menilai profil risiko dan sistem pengurusan risiko institusi kewangan. Penyelia kini boleh memperuntukkan sumber dengan optimum apabila menyelia institusi dengan menumpukan pada bidang risiko khusus yang dikenal pasti boleh menimbulkan risiko yang besar terhadap kesejahteraan dan kekukuhan institusi kewangan.

Aktiviti perbankan yang semakin kompleks dan kemunculan faktor risiko baru dan perubahan berterusan dalam landskap kewangan mendorong penubuhan unit khas risiko, iaitu unit Risiko Kredit, Risiko Pasaran dan Risiko

Operasi. Kesemua unit ini mempunyai kemahiran pakar dan kepakaran bidang dalam menyediakan sokongan bersepadu kepada fungsi pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia.

Aktiviti penyeliaan pada tahun 2006 terus tertumpu pada penilaian kekukuhan dan keupayaan broker universal dan syarikat diskaun untuk memastikan institusi tersebut memenuhi prasyarat sebelum memainkan peranan baru sebagai bank pelaburan. Kajian usaha wajar telah dilaksanakan terhadap institusi tersebut untuk menilai kapasiti kewangan, tahap tadbir urus korporat, kemantapan pengurusan risiko, keberkesanan fungsi audit dalam dan kecukupan sistem maklumat. Kajian selanjutnya dilaksanakan untuk menilai langkah pembetulan bagi menangani kelemahan yang dikenal pasti dalam bidang-bidang tersebut.

Rangka kerja penyeliaan yang dipertingkatkan ini juga memerlukan pergantungan yang lebih banyak pada juruaudit dalam dan luar. Bagi memenuhi matlamat ini dan memastikan tanggungjawab dan akauntabiliti yang lebih tinggi daripada pihak juruaudit, Bank Negara Malaysia mengadakan dialog dengan juruaudit dalam dan luar institusi kewangan bertujuan bertukar-tukar pandangan tentang jangkaan penyeliaan juruaudit dan perkembangan baru serta cabaran yang bakal dihadapi industri kewangan.

Transformasi landskap kewangan domestik juga merangkumi peningkatan integrasi dan konsolidasi merentas pasaran dan merentas industri, seterusnya menambahkan lagi kesamaran antara aktiviti pasaran modal dan perbankan. Berikutan itu, rangka kerja pengawalan dan penyeliaan telah dipertingkatkan untuk memastikan pengharmonian peraturan dan menangani pertindihan bidang pengawalseliaan, kekurangan dan arbitraj pengawalseliaan. Dalam hal ini, kerjasama penyeliaan antara Bank Negara Malaysia dengan agensi pengawalseliaan lain seperti Suruhanjaya Sekuriti diperkukuh dan dipertingkatkan. Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sedang dalam proses memuktamadkan Memorandum Persefahaman untuk menyelaras pengaturan kerja, memandangkan bank pelaburan akan tertakluk kepada pengawalan bersama kedua-dua pihak berkuasa tersebut.

Berikutan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), satu perjanjian perikatan strategik juga dimeterai antara Bank Negara Malaysia dengan PIDM untuk memperkukuh bidang kerjasama pengawalan dan penyeliaan. Perikatan ini telah diiktiraf oleh Persatuan Penanggung Insurans Deposit Antarabangsa sebagai model kerjasama antara penanggung insurans deposit dengan pengawal selia yang sangat baik. Sebagai melengkapi fungsi penyeliaan Bank, rangka kerja penting berkaitan dengan penilaian risiko, penilaian risiko perusahaan, dan aktiviti pemantauan dan pembayaran dirumus, dengan rangka kerja sistem premium terbeza dijangka dilaksanakan pada tahun 2008. PIDM juga mengeluarkan "Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan" dan "Garis Panduan Keperluan Penzahiran bagi Akaun Bersama dan Akaun Amanah" di samping melaksanakan dasar tadbir urus yang termasuk dasar berkenaan pelaporan aktiviti menyalahi undang-undang kepada pihak berkuasa.

AKSES KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN BAGI SEMUA PIHAK

Penggalakan peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua segmen masyarakat terus menjadi agenda penting Bank Negara Malaysia pada tahun 2006. Usaha sepanjang tahun tertumpu pada pengukuhan rangka kerja keinstitusian dan pelaksanaan langkah sewajarnya bagi meningkatkan lagi akses kepada pembiayaan dan juga tahap celik kewangan.

Dengan memanfaatkan peranan pelengkap dan mandat pembangunan IKP dalam menyokong matlamat sosioekonomi Kerajaan, beberapa inisiatif strategik diambil untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan jenis perniagaan dalam sektor keutamaan.

Pelaksanaan strategi utama Bank untuk menggalakkan pembangunan industri

mikrokewangan di Malaysia bermula pada tahun 2006. Inisiatif ini penting untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak, memandangkan hampir 80% daripada PKS terdiri daripada perusahaan mikro dengan pekerja sepenuh masa kurang daripada lima orang. Banci Pertubuhan dan Perusahaan Jabatan Perangkaan pada tahun 2005 merumus bahawa perusahaan mikro bergantung terutamanya pada dana sendiri dan pinjaman daripada keluarga dan rakan bagi menampung keperluan pembiayaan perniagaan mereka. Hakikatnya, industri mikrokewangan yang mampan adalah penting dalam menyediakan saluran pembiayaan formal daripada sistem kewangan kepada perusahaan mikro.

Pembangunan industri mikrokewangan amat penting dalam menggalakkan peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak, memandangkan hampir 80% daripada PKS merupakan perusahaan mikro.

Bagi memastikan pengaturan keinstitusian berupaya memberikan akses pembiayaan yang berterusan kepada perusahaan mikro, institusi berkenaan perlu terus beroperasi dalam keadaan kewangan yang mampan. Oleh itu, sumber dana dan caj kadar pinjaman pasaran perlu memadai bagi menampung kos pendanaan dan operasi serta risiko kredit, sambil menjana margin keuntungan yang munasabah. Penyedia mikrokewangan yang beroperasi secara mampan perlu mempunyai jangkauan yang luas, berbanding dengan skim mikrokewangan yang bergantung pada dana Kerajaan yang umumnya mempunyai keupayaan terhad. Sehubungan dengan itu, pembangunan industri mikrokewangan yang mampan dan dipacu nilai komersial akan melengkapi program mikrokewangan Kerajaan yang dilaksanakan oleh institusi-institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN).

Pembangunan industri mikrokewangan membabitkan beberapa inisiatif utama. Bagi mempertingkatkan peranan IKP sebagai penyedia pembiayaan mikro, Bank Simpanan Nasional diberikan mandat untuk menyediakan mikrokewangan kepada perusahaan mikro dan individu yang menjalankan perniagaan. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia juga menyediakan mikrokewangan kepada ahli koperasi, manakala Bank Pertanian Malaysia memberi pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro yang terbabit dalam sektor pertanian dan asas tani.

Pembabitan institusi perbankan yang mempunyai keupayaan kewangan dan jangkauan meluas turut memainkan peranan penting dalam menyediakan mikrokewangan. Bank Negara Malaysia pula menerajui beberapa inisiatif untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan institusi perbankan tentang amalan global pembiayaan mikro yang berjaya. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah lawatan sambil belajar bersama institusi kewangan ke institusi mikrokewangan yang berjaya di India dan Indonesia, dan penyediaan kajian kes global tentang mikrokewangan untuk dijadikan bahan rujukan dalam membantu institusi perbankan dan IKP membangunkan model perniagaan mereka.

Inisiatif menggalakkan pembiayaan mikro berhasil dengan beberapa institusi perbankan mula menawarkan pinjaman kepada perusahaan mikro. Ciri-ciri umum pinjaman kecil ini termasuk jumlah pinjaman antara RM500 hingga RM50,000 yang diberikan kepada individu dan perusahaan mikro untuk tujuan perniagaan pada kadar faedah komersial. Tempoh pinjaman lazimnya pendek, iaitu antara satu bulan hingga lima tahun dengan keperluan cagaran atau jaminan yang fleksibel. Tempoh untuk meluluskan pinjaman juga cepat, antara lima hingga sebelas hari bekerja. Sesetengah institusi kewangan juga menawarkan insentif pembayaran balik dalam bentuk rebat untuk menggalakkan amalan pembayaran balik yang baik dalam kalangan peminjam.

Pembangunan "Program Peningkatan Pembiayaan bagi Perusahaan Mikro" ialah satu lagi inisiatif Bank Negara Malaysia bertujuan membolehkan perusahaan mikro memperoleh jenis dan jumlah pembiayaan yang betul bagi memenuhi keperluan dalam mengembangkan perniagaan mereka. Melalui program berstruktur ini, bantuan pembiayaan disediakan oleh penyedia mikrokewangan dan bank perdagangan serta Bank SME bagi perusahaan mikro yang memerlukan dana yang lebih besar untuk membiayai pertumbuhan perniagaan mereka. Pembangunan industri mikrokewangan yang kukuh dan mampan bertujuan menyediakan alternatif pelengkap kepada pengguna yang kini mungkin tidak menikmati perkhidmatan utama industri kewangan.

Berikutan pengenalpastian sektor pertanian dan asas tani sebagai sektor utama yang digalakkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Bank Negara Malaysia telah melancarkan beberapa inisiatif untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi sektor ini. Bagi merealisasikan wawasan Kerajaan untuk menjadikan sektor ini sebagai penjana pertumbuhan ketiga, usaha-usaha dilaksanakan untuk memastikan dana yang mencukupi disalurkan secara berkesan dan cekap bagi menyokong aktiviti perniagaan dalam sektor ini. Sebagai institusi kewangan khas untuk sektor pertanian, Bank Pertanian Malaysia telah distruktur semula dan diberikan kedudukan strategik untuk memainkan peranan sebagai pemangkin bagi memudahkan akses kepada pembiayaan yang lebih besar bagi sektor pertanian dan industri asas tani. Bank Pertanian Malaysia menerima pakai pendekatan menyeluruh dalam merangka hala tuju strategiknya sambil melaksanakan langkah memperkukuh kapasiti dan keupayaan kewangannya, memberikan lebih tumpuan pada pembangunan sumber manusia dan meningkatkan sistem dan proses pengurusan risiko. Bank Pertanian Malaysia, selepas penstrukturan semula, akan berada pada kedudukan yang lebih teguh untuk melaksanakan mandatnya sebagai agensi pelaksana untuk menyokong sektor pertanian dan asas tani sebagai sektor pertumbuhan yang semakin penting dalam ekonomi negara.

Akses kepada pembiayaan pertanian terus dipertingkatkan melalui pelancaran dua dana modal usaha niaga berjumlah RM150 juta setiap satu untuk sektor pertanian. Matlamat dua dana yang ditubuhkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan dua kumpulan perbankan adalah untuk mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian bersepadu yang berupaya menjana kesan limpahan untuk manfaat seluruh rantaian nilai sektor pertanian. Dana yang disasarkan kepada bidang perladangan dan perikanan bersepadu serta usaha niaga bioteknologi akan dilaburkan di peringkat syarikat pegangan yang kemudiannya bertanggungjawab untuk membangun dan menyediakan sokongan teknikal dan perniagaan kepada peladang, penternak dan nelayan. Dana pertama dilancarkan pada bulan September 2006 manakala dana kedua dijangka dilancarkan pada awal tahun 2007.

Selaras dengan seruan Kerajaan untuk menggalakkan syarikat dan perusahaan Malaysia meneroka ke luar negara untuk mengembangkan pasaran, usaha terus dijalankan untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi syarikat-syarikat ini. Pada bulan Disember 2006, Dana Projek Luar Negeri berjumlah RM1 bilion ditubuhkan Bank Negara Malaysia di Export-Import Bank of Malaysia untuk mempertingkatkan lagi akses kepada pembiayaan bagi syarikat Malaysia yang melaksanakan projek di luar negeri. Melalui kemudahan jaminan kredit yang diperkenalkan pada fasa pertama, syarikat Malaysia, khususnya PKS dan penyedia khidmat professional, memperoleh lebih akses kepada pembiayaan untuk menyokong usaha perniagaan di luar negeri. Skim pembiayaan bersama disasar untuk diperkenalkan pada lewat tahun 2007.

PUSAT KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (MIFC)

Prihatin terhadap pertumbuhan pesat industri perkhidmatan kewangan Islam dalam pasaran kewangan global, Kerajaan Malaysia melancarkan inisiatif yang dikenali sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia *(Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC)* pada 14 Ogos 2006. Di samping menandakan

permulaan era baru bagi landskap masa depan kewangan Islam di Malaysia, inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia dalam bidang kewangan Islam, memandangkan terdapatnya sistem kewangan Islam yang kukuh dan komprehensif, rejim pengawalseliaan yang utuh dan rangka kerja perundangan yang mantap.

Wawasan landskap MIFC adalah sebagai pusat yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa dan mempunyai kumpulan besar pakar kewangan Islam yang berkemahiran tinggi. Usaha berterusan ditumpukan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah pusat originasi, pengedaran dan perdagangan instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, pengurusan dana dan kekayaan Islam, perkhidmatan kewangan Islam mata wang antarabangsa, serta perniagaan takaful dan takaful semula. Usaha ini juga bertujuan menempatkan Malaysia sebagai pintu masuk untuk merebut peluang pelaburan di rantau Asia Tenggara yang semakin pesat membangun. Bagi melengkapkan inisiatif ini, beberapa langkah intensif diambil bagi menempatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

MIFC juga memperkukuh hubungan erat Malaysia dengan pasaran global. Inisiatif ini memainkan peranan penting dalam mempercepat proses mempertemukan dan memperkukuh hubungan antara pasaran kewangan Islam di peringkat antarabangsa, lantas mengembangkan pelaburan dan hubungan perdagangan antara Timur Tengah, Asia Barat dan kawasan Afrika Utara dengan Asia Timur. Aliran modal serta aliran perdagangan merentas sempadan antara komuniti kewangan kawasan-kawasan ini yang menggalakkan dijangka terus mengukuhkan integrasi antarabangsa sistem kewangan Islam domestik. Inisiatif ini juga dijangka dapat meningkatkan prestasi industri perkhidmatan kewangan Islam dan mengukuhkan kelebihan daya saing dalam persekitaran global yang semakin bersepadu.

Wawasan landskap MIFC ialah sebagai sebuah pusat yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa dan mempunyai kumpulan besar pakar kewangan Islam yang berkemahiran tinggi.

Sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan dalam melaksanakan cadangan-cadangan MIFC ialah penubuhan Jawatankuasa Eksekutif MIFC pada 11 Ogos 2006. Jawatankuasa ini dipengerusikan Gabenor Bank Negara Malaysia dan dianggotai wakil-wakil kanan Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan, pengawal selia kewangan dan pasaran, serta wakil industri daripada sektor perbankan dan takaful. Jawatankuasa ini ialah penyelaras tunggal yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan cadangan dasar, menetapkan hala tuju dan mengkaji semula dasar sedia ada bagi mempromosikan MIFC secara komprehensif dan terselaras. Bank Negara Malaysia merupakan sekretariat kepada pihak Jawatankuasa Eksekutif MIFC dan berfungsi sebagai entiti sehenti dalam melaksanakan tugas ini.

Antara langkah utama diperkenalkan pada tahun 2006 untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam ialah pengeluaran kategori lesen baru yang dikenali sebagai Bank Islam Antarabangsa *(International Islamic Bank, IIB)* di bawah Akta Perbankan Islam 1983, kepada institusi kewangan Malaysia dan asing yang layak menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa. Begitu juga, pendaftaran baru sebagai Pengendali Takaful Antarabangsa *(International Takaful Operator, ITO)* dibuat di bawah Akta Takaful 1984 bagi syarikat insurans Malaysia dan asing yang layak menjalankan perniagaan takaful dalam mata

wang antarabangsa. Kelulusan juga diberi kepada bank-bank Islam dan pengendali takaful Malaysia untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa *(International Currency Business Units, ICBU)*. IIB dan ITO boleh ditubuhkan sebagai cawangan atau anak syarikat kepada institusi kewangan induk. Antara insentif yang diberi untuk perniagaan dalam mata wang antarabangsa ialah pelepasan cukai selama 10 tahun di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai tahun taksiran 2007. Kelulusan juga diberikan kepada institusi perbankan Islam Labuan dan bahagian perbankan Islam bank serta pengendali takaful luar pesisir untuk menubuhkan pejabat operasi di mana-mana jua dalam Malaysia. Meskipun lokasi adalah di luar Labuan, undang-undang cukai Labuan terus dilaksanakan terhadap para peserta ini. Kesemua langkah ini bertujuan mewujudkan bilangan peserta yang cukup besar untuk menyumbang ke arah pencapaian matlamat MIFC, serta mengembangkan jumlah urus niaga bagi mewujudkan pusat kewangan Islam yang memberangsangkan.

Inisiatif MIFC terus diperkukuh oleh liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing yang membenarkan penerbit pemastautin dan asing menerbitkan bon berdenominasi mata wang asing khususnya bon Islam, dalam pasaran modal Malaysia. Penerbit bon asing yang layak mengambil peluang ini termasuk kerajaan, agensi atau perbadanan nasional kerajaan asing, bank pembangunan pelbagai hala, institusi kewangan pelbagai hala dan syarikat multinasional. Langkah ini juga sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pembangunan pasaran bon Malaysia, dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat originasi, pengedaran dan perdagangan sukuk. Terbitan bon berdenominasi mata wang asing turut memberi pelabur pemastautin dan asing lebih fleksibiliti untuk mempelbagaikan pelaburan mereka kepada pelaburan bukan ringgit di Malaysia. Sebagai langkah menggalakkan persaingan dari segi kos untuk produk yang ditawarkan dan dalam menstruktur instrumen, Kerajaan memberikan pelepasan duti setem selama 10 tahun atas instrumen yang dimeterai oleh entiti di bawah MIFC, serta instrumen berkaitan sekuriti Islam berdenominasi ringgit dan mata wang asing.

Dari segi pembangunan tenaga mahir, pelepasan maksimum cukai peribadi untuk yuran pendidikan sehingga RM5,000 setahun merangkumi kursus kewangan Islam yang diluluskan Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, yang dijalankan di institusi pendidikan tinggi tempatan termasuk Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa *(International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF)*.

